

TELEVISYEN DAN KESAN PENGARUHNYA KE ATAS KANAK-KANAK:

SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA JANTINA.

Oleh

No. Matrik 31586

Prof. Ayubenda, Benda
dan Annie.

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1979/80

PENGHARGAAN

Penulis dengan ini ingin merakamkan penghargaan beliau kepada beberapa pihak tertentu yang telah memberikan sumbangan mereka masing-masing dalam proses penyiapan Latihan Ilmiah ini.

Penulis ingin mengucapkan ribuan terimakasih penyelia beliau, Dr. Lim Suan Poh, yang telah begitu banyak memberikan panduan dan nasihat sepanjang kajian dan penulisan ini dibuat.

Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada OCS Polis Bandar Kuala Trengganu dan kepada para responden daripada komuniti tersebut yang telah memberikan kerjasama mereka di dalam menjayakan kajian ini.

Akhir sekali penulis merasa sungguh terhutang budi kepada Persatuan Pengguna-Pengguna Selangor (SCA) yang telah sudi membiayai segala perbelanjaan sepanjang projek ini dibuat dan disiapkan.

SINOPSIS

Kajian yang dibuat adalah pada satu seginya bertujuan untuk melihat corak reaksi tingkahlaku kanak-kanak berserta para ibu masing-masing terhadap televisyen dan dari segi yang lainnya pula meneliti apa jua kesan-pengaruh yang dianggap sebagai didatangkan oleh media tersebut ke atas para audien yang "setia" kepadanya.

Fokas utama kajian ini adalah dipusatkan kepada kanak-kanak berumur antara 8-10 tahun, di mana tumpuannya didekatkan lagi kepada analisa perbandingan jantina antara kanak-kanak tersebut berkait dengan pendedahan mereka kepada televisyen.

Skop kajian adalah meliputi aspek-aspek hubungan para ibu dan anak mereka masing-masing terhadap pola tontonan televisyen, sikap dan pandangan masing-masing pihak terhadap satu-satu unsur di televisyen, pemilihan program/siri-siri yang diminati, disiplin anak-anak berkait dengan televisyen dan pengamalan penjenisan jantina kanak-kanak berhubung dengan media tersebut. Bagi pihak kanak-kanak itu pula penelitian ke atas unsur-unsur perbezaan jantina dalam hal-hal tertentu seperti corak peniruan yang dibuat, pemilihan program-program yang menjadi kegemaran, identifikasi mereka kepada watak-watak di televisyen, kegiatan masa lapang dan pengaruh siri-siri bercorak keganasan ke atas sikap dan tingkahlaku mereka juga telah dibuat.

Dari keputusan yang didapati jelas terlihat wujudnya hubungan tertentu antara kanak-kanak tersebut dengan para ibu mereka masing-masing. Begitu juga halnya dengan kanak-kanak itu sendiri di mana unsur-unsur perbezaan jantina adalah kedapatan dari segi sikap, pandangan, kadar peniruan, identifikasi dan pengaruh berkait dengan pendedahan mereka kepada media tersebut.

Kadar Apresiasi Kanak-Kanak Terhadap Program-Program Berita, Peristiwa Dan Filem Rencana	KANDUNGAN	Halaman
Penghargaan	Kanak-Kanak Terhadap TV	iii
Sinopsis	TV: Kisah Ka Atas Masa Bayang Kanak-Kanak	iv
Kandungan	Kekerapan Menonton Tayangan Larut Malam	v-vii
Senarai Jadual	Kekerapan Membiarkan Anak Menonton Tayangan Larut Malam	viii-ix
BAB I : PENGENALAN	Pelajaran Dan Pembelajaran Kanak-Kanak Tujuan Kajian	1-3 2
BAB II : KAJIAN-KAJIAN LATARBELAKANG	Pengenalan Analisis Penjenjian Jantina (Sex Typing) Kajian Luar Kajian Tempatan Penutup	4-22 4 4 20 22
BAB III : METHODOLOGI	Rangka Kajian Pemilihan Sampel Pemilihan Responden Soal Selidik Temuramah	23-33 23 24 25 28 31
BAB IV : KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	Data-Data Biografi Ibubapa Data-Data Biografi Kanak-Kanak Deskripsi Tingkahlaku Tontonan TV 3 Program TV Yang Diminati Ibu-Ibu Dan Kanak-Kanak Program TV Ibu Dan Kanak-Kanak	34-91 34 38 40 43 51

Kadar Apresiasi Kanak-Kanak Kepada Program-Program Berita, Peristiwa Dan Filem Rencana	51
Reaksi Kanak-Kanak Terhadap TV	54
TV: Kesan Ke Atas Masa Lapang Kanak-Kanak	55
Kekerapan Menonton Tayangan Larut Malam	57
Kekerapan Membiarkan Anak Menonton Tayangan Larut Malam	58
Pelajaran Dan Pembelajaran Kanak-Kanak Berkait Dengan Televisyen	59
Televisyen: Disiplin Dan Pengawalan Ke Atas Kanak-Kanak	61
Amalan Penjenisan Jantina (Sex Typing) Dan Program-Program Televisyen	65
Reaksi Para Ibu Dan Kanak-Kanak Kepada Babak Romantik Di Televisyen	67
Pandangan Dan Sikap Para Ibu Terhadap Tingakhlaku Anak-Anak Dan Televisyen	70
"Stereotyping" Dan "Sex Role Stereotyping" Di Televisyen Dan Tanggapan Kanak-Kanak	72
Watak-Watak Dalam Televisyen Yang Patut Dimatikan Di Akhir Cerita: Menurut Pandangan Kanak-Kanak	75
Perasaan Kanak-Kanak Sekiranya Hero/Heroine Di Televisyen Dimatikan Dalam Cerita	76
Tanggapan Dan Sikap Kanak-Kanak Terhadap Peranan Dan Perilaku Polis Di Televisyen	77
Kadar Kepandaian Antara Watak-Watak Hero Dan Polis Di Televisyen (Seperti Yang Ditanggap oleh Penonton Kanak-Kanak	79
Sikap Para Ibu dan Kanak-Kanak Terhadap Keganasan Di Televisyen	80
Televisyen Dan Pandangan Ibu Terhadap Pembentukan Nilai Kanak-Kanak	86
Kesimpulan	88

BAB V :	PENUTUP	92-100
	Ringkasan	92
	Batasan-Batasan Kajian	94
Jadual 4:1	Implikasi-Implikasi Dari Kajian Ini	94
Jadual 4:2	Saranan Untuk Kajian Akan Datang	97
Jadual 4:3	Tangga Persekolahan Ibubapa	35
Bibliografi		101-102
Lampiran A	Jenis Persekolahan Yang Dilalui Ibubapa	103-106
Lampiran B	Ibu Bekerja/Tidak Bekerja	107-110
Jadual 4:5	Umur/Darjah Persekolahan Kanak-Kanak	38
Jadual 4:6	Saiz Keluarga	39
Jadual 4:7	Umur Televisyen Yang Dimiliki	40
Jadual 4:8	Jumlah Jam/Seminggu Menonton Televisyen Bagi Kanak-Kanak	41
Jadual 4:9	Jumlah Masa/Seminggu Menonton Televisyen Bagi Ibubapa	42
Jadual 4:10	3 Program Televisyen Yang Diminati Kanak-Kanak	44
Jadual 4:11	3 Program Televisyen Yang Diminati Ibu-Ibu	45
Jadual 4:12	3 Program Yang Tidak Disukai Kanak-Kanak	52
Jadual 4:13	Perbandingan Program-Program Berita, Peristiwa Dan Filem Rancangan Di Kalangan Kanak-Kanak	54
Jadual 4:14	Cara-Cara Memahami Siri-Siri Luar Di Televisyen	55
Jadual 4:15	Kegiatan Masa Lapang Kanak-Kanak	57
Jadual 4:16	Kehidupan Menonton Tayangan Larut Malam Bagi Ibu-Ibu	58
Jadual 4:17a	Perasaan Lebih Pandai Kerana Televisyen	60
Jadual 4:17b	Kekerapan Minta Kebenaran Untuk Keluar Rumah	62

SENARAI JADUAL

HALAMAN

<u>JADUAL</u>	<u>HALAMAN</u>
Jadual 4:18	Penetapan Jadual Tontonan Oleh Ibu
Jadual 4:19	Penggunaan Televisyen Sebagai
Jadual 3:1	Susunan Responden-Responden
Jadual 4:1	Umur Purata Ibubapa
Jadual 4:2	Tangga Persekolahan Ibubapa
Jadual 4:3	Jenis Persekolahan Yang Dilalui Ibubapa
Jadual 4:4	Ibu Bekerja/Tidak Bekerja
Jadual 4:5	Umur/Darjah Persekolahan Kanak-Kanak
Jadual 4:6	Saiz Keluarga
Jadual 4:7	Umur Televisyen Yang Dimiliki
Jadual 4:8	Jumlah Jam/Seminggu Menonton Televisyen Bagi Kanak-Kanak
Jadual 4:9	Jumlah Masa/Seminggu Menonton Televisyen Bagi Ibubapa
Jadual 4:10	3 Program Televisyen Yang Diminati Kanak-kanak
Jadual 4:11	3 Program Televisyen Yang Diminati Ibu-Ibu
Jadual 4:12	Satu Program Yang Tidak Disukai Kanak-Kanak
Jadual 4:13	Perbandingan Program-Program Berita, Peristiwa Dan Filem Rencana Di Kalangan Kanak-Kanak
Jadual 4:14	Cara-Cara Memahami Siri-Siri Luar Di Televisyen
Jadual 4:15	Kegiatan Masa Lapang Kanak-Kanak
Jadual 4:16	Kebiasaan Menonton Tayangan Larut Malam Bagi Ibu-Ibu
Jadual 4:17a	Perasaan Lebih Pandai Kerana Televisyen
Jadual 4:17b	Kekerapan Minta Kebenaran Untuk Keluar Rumah

HALAMAN

Jadual 4:18	Penetapan Jadual Tontonan Oleh Ibu	63
Jadual 4:19	Penggunaan Televisyen Sebagai Alat Pendidikan Buat Anak-Anak	64
Jadual 4:20	Perlunya Pengasingan Jantina Kanak-Kanak Dan Televisyen	66
Jadual 4:21	Kadar Perasaan Malu Para Ibu	68
Jadual 4:22	Perasaan Kanak-Kanak Terhadap Babak Cium Dalam Dua Keadaan Yang Berbeza	69
Jadual 4:23	Reaksi Ibu Terhadap Perbuatan Meniru Lakunan Televisyen	71
Jadual 4:24	Pelakon Utama Televisyen Yang Disukai Kanak-Kanak	73
Jadual 4:25	Adengan Kekerasan Antara Jantina Yang Disukai	75
Jadual 4:26	Perasaan Kanak-Kanak Terhadap Hero/Heroine Di Televisyen	77
Jadual 4:27a	Tanggapan Kanak-Kanak Terhadap Watak Dan Perilaku Polis Di Televisyen	78
Jadual 4:28	Kesahan Menyiksa Pelakon Jahat Di Televisyen	84
Jadual 4:29	Pilihan Senjata Yang Sesuai Dipakai Hero Oleh Kanak-Kanak	85
Jadual 4:30	Kebimbangan Para Ibu Kerana Kebanjiran Filem-Filem Barat Di Televisyen	87

Dengan mengingat bahawa kanak-kanak adalah merupakan golongan yang paling hampir dan terdekat sekali kepada media ini maka tidak dapat tidak sekiranya televisyen dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh pihak-pihak tertentu maka sudah tentulah kesan faedahnya akan menjadi lebih tinggi lagi.

perkembangan sains, pemikiran, perilaku serta pembentukan ilmu pengetahuan kanak-kanak tidaklah terhad kepada pengajaran dan pembelajaran formal sahaja. BAB I

terasa dan media massa adalah merupakan unsur-unsur penting dan berupaya mencorak-warnakan serta mempercepat lagi proses perkembangan pemikiran dan sains kanak-kanak. PENGENALAN

Kita memang arif dan mengaku bahawa semenjak kemasukan televisyen ke dalam hidup telah banyak benar perubahan-perubahan dan kesan-kesan tertentu yang terjadi, baik ke atas diri sendiri mahupun kanak-kanak.

Perdampungan kita semua kepada media ini semakin menjadi begitu sehati dalam kehidupan hari-hari. Malah bagi setengah-setengah pihak televisyen telah diibaratkan mereka sebagai sebahagian dari "anggota keluarga" itu sendiri, walaupun artifisial bentuknya tetapi ikatan media tersebut dalam famili kini adalah semakin erat. Kekosongan dan kesepian akan terasa mengisi ruang tanpanya. Terasa semacam ujud satu jalinan hubungan sentimental antara media tersebut dengan para pemiliknya.

Keperluan kepada media massa semakin meningkat dengan berkembangnya pembangunan sesebuah negara itu. Dan televisyen sebagai salah satu cabang dari media yang banyak, menjadi semakin popular di dalam fungsinya menyampaikan pelbagai bentuk pemberitahuan dan hiburan yang komparatif murah tetapi bertenaga bagi mengisi keperluan-keperluan orang ramai.

Dengan mengingat bahawa kanak-kanak adalah merupakan golongan yang paling hampir dan terdekat sekali kepada media ini maka tidak dapat tiada sekiranya televisyen dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh pihak-pihak tertentu maka sudah tentulah kesan faedahnya akan menjadi lebih tinggi, lagi.

Perkembangan sahsiah, pemikiran, perlakuan serta pembentukan ilmu pengetahuan kanak-kanak tidaklah terhad kepada pengasuhan dan pembelajaran formal sahaja. Persekitaraan dan media massa adalah merupakan unsur-unsur penting dan berupaya mencorak-warnakan serta mempercepatkan lagi proses perkembangan pemikiran dan sahsiah kanak-kanak. Oleh yang demikian kepentingan televisyen bagi golongan kanak-kanak amnya adalah satu hal yang semakin diberi perhatian oleh semua pihak, khasnya para ibubapa dan para pendidik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dibuat adalah bertujuan untuk meninjau setakat manakah kesan-pengaruh yang telah dan sedang dibawakan oleh televisyen ke atas masyarakat, khasnya masyarakat kanak-kanak.

Disatu pihak kajian ini adalah merangkumi perihal sikap serta pandangan para ibu terhadap program-program yang ada, penentuan pendedahan anak-anak mereka kepada televisyen, disiplin dan tanggapan-tanggapan yang dapat mereka buat mengenai kesan-kesan pengaruh tertentu yang mungkin dianggap sebagai didatangkan oleh media tersebut ke atas pembentukan tingkahlaku anak-anak mereka. Kajian ini juga merakamkan citarasa, sikap, kadar apresiasi dan juga barangkali protes-protes para ibu tersebut terhadap televisyen baik buat diri mereka sendiri mahupun bagi pihak anak-anak mereka masing-masing. Penulis juga ingin mencari sekiranya wujud hubungan tertentu antara corak tingkahlaku tontonan ibu dengan kadar pendedahan dan sikap anak-anak mereka kepada televisyen.

Fokas utama kajian ini adalah ditumpukan kepada kesan pengaruh tontonan televisyen ke atas diri kanak-kanak. Yang demikian kajian ini akan melihat bagaimana televisyen dapat mempengaruhi unsur-unsur

pembentukan nilai dan sikap, tingkahlaku, pembelajaran dan kesan-kesan psikologi yang berlaku pada diri kanak-kanak itu.

BAB 2

Kajian yang dilakukan ini adalah bercorak analisa perbandingan antara jantina kanak-kanak. Disatu pihak penulis berhasrat untuk mengetahui samada ujudkah sebarang perbezaan sikap para ibu terhadap televisyen bagi kanak-kanak yang berlainan jantina. Penulis ingin menyelidiki samada para ibu tersebut mengamalkan penjenisan jantina (sex typing) ataupun dengan kata lain, membeza-bezakan pendedahan kanak-kanak yang berlainan jantina kepada program-program yang berbeza juga di televisyen. Bagi pihak kanak-kanak itu sendiri, penulis seterusnya ingin meneliti samada ujudkah sebarang perbezaan sikap, pandangan, reaksi, pengaruh dan citarasa antara kedua jantina yang berlainan jenis itu terhadap apa yang mereka lihat dan tonton dari kaca televisyen.

serupa itu masih belum lagi tinggalkan bilangannya.

KAJIAN LAMA

Himmelweit, Oppenheim dan Vince (1958) telah membuat satu kajian secara menyeluruh mengenai kesan televisyen ke atas kanak-kanak di England pada tahun-tahun 1955 dan 1956. Seramai 473 responden kanak-kanak (13 - 14 th.) dan 454 lagi (10 - 11 th.) telah ditemu duga menggunakan metode siasatan soal-selidik. Hasil dari temuduga ini telah dibandingkan dengan sejumlah kanak-kanak yang sama, tetapi mereka-mereka yang tidak pernah menonton televisyen sebelumnya.

Di antara rumusan-rumusan yang diperolehi hasil dari kajian itu ialah di dapati kanak-kanak menghabiskan masa diantara 11-13 jam seminggu menonton televisyen, lebih dari yang digunakan untuk kegiatan-kegiatan masa lapang lainnya. Kanak-kanak itu di dapati menonton dan

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN LATARBELAKANG

PENGENALAN

Kajian yang dibuat ialah mengenai televisyen dan kesan pengaruhnya ke atas kanak-kanak. Penganalisaan adalah dibuat dalam bentuk perbandingan antara jantina.

Dalam bab ini akan ditinjau beberapa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lalu berkait dengan topik yang sama. Walaupun telah banyak benar kajian-kajian mengenai televisyen dilakukan terutamanya di Barat namun bagi negara kita Malaysia kajian-kajian serupa itu masih belum lagi tinggi bilangannya.

KAJIAN LUAR

Himmelweit, Oppenheim dan Vince (1958) telah membuat satu kajian secara menyeluruh mengenai kesan televisyen ke atas kanak-kanak di England pada tahun-tahun 1955 dan 1956. Seramai 473 responden kanak-kanak (13 - 14 th.) dan 454 lagi (10 - 11 th.) telah ditemuduga menggunakan metode siasatan soal-selidik. Hasil dari temuduga ini telah dibandingkan dengan sejumlah kanak-kanak yang sama, tetapi mereka-mereka yang tidak pernah menonton televisyen sebelumnya.

Di antara rumusan-rumusan yang diperolehi hasil dari kajian itu ialah di dapati kanak-kanak menghabiskan masa diantara 11-13 jam seminggu menonton televisyen, lebih dari yang digunakan untuk kegiatan-kegiatan masa lapang lainnya. Kanak-kanak itu di dapati menonton dan

menggemari siri-siri yang menjadi minat kegemaran ibu bapa mereka terutamanya siri-siri bercorak jenayah dan peperangan. Mark Abrahms (1956) dalam kajiannya juga mendapati hal yang sama, di mana responden kanak-kanak beliau melapurkan yang mereka lebih meminati program-program orang dewasa lebih daripada program-program yang dikhaskan untuk mereka sendiri. Filem-filem dokumentasi dan diskusi tidak mendapat tempat yang besar dikalangan penonton kanak-kanak.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan dari filem-filem yang menjadi kegemaran orang dewasa selalunya lebih banyak mengandungi babak-babak "action" yang mana dengan sendirinya dapat menarik minat kanak-kanak juga. Kanak-kanak adalah lazimnya lebih cenderung kepada perkara-perkara dan juga filem-filem yang bercorak "action-oriented" daripada program-program yang naratif sifatnya seperti filem-filem dokumentasi dan diskusi. Kanak-kanak dalam lingkungan umur begini yang selalunya aktif dalam semua ^{hal} dan tambah lagi dengan penglibatan mereka yang aktif juga dalam permainan-permainan dengan kawan-kawan sebaya mungkin merupakan satu dorongan yang menggerakkan mereka meminati program-program sedemikian guna bagi memperkayakan kadar imiginasi dan geraklaku mereka dalam aktiviti-aktiviti yang di ceburi.

Himmelweit et. al. (1958) mendapati juga bahawa kesan ke atas masa lapang kanak-kanak juga turut terjejas kerana televisyen. Kegiatan mendengar radio dan menonton wayang gambar menjadi tidak begitu kerap lagi. Kajian Mark Abrahms (1956) pula walaupun mendapati bahawa penggunaan radio di kalangan kanak-kanak telah menurun namun kegiatan-kegiatan menonton wayang gambar, membaca buku cerita dan komik serta penglibatan kanak-kanak dalam persatuan tidak banyak terjejas. Oleh itu bukanlah bererti bahawa keseluruhan kegiatan kanak-kanak telah dirompak oleh adanya

televisyen di rumah.

Mengenai dengan menurunnya penggunaan radio, ini jelas menunjukkan betapa dengan kemasukan televisyen, satu media yang berbentuk "audio-visual", yang berupaya menggerakkan dua pancaindera sekaligus telah dapat menawan penonton kanak-kanak dengan kadar yang lebih tinggi dibandingkan dengan radio yang cuma mampu mengisi pendengaran sahaja, dan tidak penglihatan. Dan televisyen kerana melebihi sifat-sifat radio sudah tentulah dapat menawan hati dan minat kanak-kanak dengan lebih tinggi lagi.

Televisyen sebagai dapat memperkembangan daya pemikiran dan pengetahuan kanak-kanak, menurut Himmelweit et. al. (1958) cuma didapati berlaku kepada kanak-kanak yang muda dan yang tidak begitu 'cerdas' otaknya. Schramm, Lyle dan Parker (1961) juga mendapati tidak ujud satu pertalian yang positif antara kekerapan menonton televisyen dengan kadar pengetahuan am kanak-kanak. Malah apa yang didapati oleh Schramm et. al. (1961) ialah bagi kanak-kanak yang terlalu kerap menonton televisyen mereka adalah menjadi lebih cenderung mengetahui hal-hal jenis hiburan dan kisah hidup pelakon-pelakon televisyen yang diminati lebih dari hal-hal yang lain.

Tetapi ini tidaklah bererti yang kanak-kanak tidak menerima apa-apa pengetahuan langsung dari televisyen. Schramm (1960) mengakui sendiri bahawa kanak-kanak yang mempunyai televisyen di rumah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai lingkungan mereka jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang tidak menonton televisyen. "Social Learning" atau pelajaran sosial banyak dibawakan oleh televisyen kepada penonton-penontonnya. Ini merupakan salah satu aspek daripada pengetahuan am yang boleh dipelajari oleh kanak-kanak dari satu sumber yang lain selain daripada

buku-buku, para ibu papa, guru-guru dan pengalaman sendiri.

Dilihat daripada kajian-kajian Himmelweit et. al. (1958) dan Mark Abrahms (1956) didapati kanak-kanak adalah pada keseluruhannya meminati dan kerap menonton filem-filem orang dewasa. Ini bermakna bahawa pendedahan kanak-kanak yang terbuka kepada filem-filem tersebut secara tidak langsungnya akan menjadikan kanak-kanak itu lebih cenderung kepada idea-idea dan perlakuan orang dewasa (Schramm et. al., 1961). Di samping berhibur dengan siri-siri yang menjadi kegemaran orang dewasa kanak-kanak ini juga berpeluang mengetahui hal-hal yang bersangkutan dengan alam pendewasaan yang mana ini semua akan membantu mereka dalam proses-proses penyesuaian pada masa-masa akan datang. Schramm (1960), secara persendirian mengatakan bahawa kanak-kanak yang sering terdedah kepada televisyen adalah juga terdedah kepada idea-idea dan masalah-masalah orang dewasa dan dengan itu akan menjadikan mereka lebih berkemampuan mempelajari sesuatu yang berfaedah dari televisyen.

Ada juga kajian yang membuat penyelidikan samada televisyen dapat memperkembangkan daya pemikiran dan pembelajaran akademik kanak-kanak. Kementerian Pelajaran Jepun (1959) telah membuat satu kajian bersabit ^{hal ini} dengan ^{mengedarkan} soal-selidik kepada semua ibubapa di seluruh Jepun. Respondan-respondan adalah terdiri dari ibu bapa yang memiliki televisyen di rumah masing-masing. Dari laporan yang di terima kebanyakan dari ibu bapa tersebut mengatakan bahawa televisyen sebenarnya tidak banyak menolong anak-anak mereka meninggikan pencapaian akademik di sekolah-sekolah. Namun begitu terdapat antara 18% hingga 30% dari ibu bapa tersebut yang mengakui bahawa anak-anak mereka adalah lebih berkembang dalam pelajaran-pelajaran sosial dan sains, sejak memasukkan televisyen dalam kehidupan mereka.

Schramm (1960) pula merumuskan bahawa televisyen sebenarnya boleh memperkembangkan daya penguasaan "vocabulary" dan tatabahasa kanak-kanak di sekolah. Dalam kajian 1961, Schramm et. al. mendapati kanak-kanak dari kawasan yang banyak memiliki televisyen mempunyai darjah atau kadar "vocabulary" yang tinggi dibandingkan dengan kanak-kanak yang datang dari kawasan-kawasan yang tidak mempunyai televisyen.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa televisyen adalah berupaya memainkan peranannya dalam hal ini, namun harus diingat bahawa kadar pencapaian akademik seseorang (baik pun dalam hal perkembangan kadar "vocabulary" seseorang itu) adalah juga bergantung dan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang sama pentingnya seperti latar-belakang ibu bapa, status sosio-ekonomi, IQ dan juga pengaruh alam sekitar kanak-itu sendiri. Yang demikian dalam hal ini, televisyen bolehlah dikatakan sebagai salah satu faktor cuma di antara faktor-faktor yang banyak boleh menyumbang kepada pencapaian tingkat akademik kanak-kanak di sekolah masing-masing.

Apabila sahaja kita membicarakan tentang televisyen maka persoalan yang popular yang menjadi tumpuan para pengkaji ialah mengenai kaitan siri-siri bercorak keganasan dan pengaruhnya ke atas para penonton, terutamanya kanak-kanak.

Bandura, Ross dan Ross (1961) telah menjalankan satu eksperimen yang agak klasik bagi menunjukkan samada kanak-kanak akan terpengaruh dengan perlakuan-perlakuan aggresi yang ditonjolkan kepada mereka. Kanak-kanak dari sebuah sekolah tadika telah didedahkan kepada dua corak perlakuan di mana satu kumpulan melihat bagaimana pengkaji bermain dengan kasar (dengan cara menendang dan memukul) satu "Bobo Doll", sementara satu kumpulan lainnya melihat permainan yang sama tetapi pengkaji tidak

bertindak ganas dalam permainannya. Kanak-kanak dari dua kumpulan itu kemudiannya dibiarkan bermain dengan "Bobo Doll" yang disediakan. Dari pemerhatian yang dibuat adalah didapati kanak-kanak dari kumpulan I menjadi lebih cenderung, malah bermain dengan ganas sekali dengan "Bobo Doll". Sebaliknya bagi kumpulan II, mereka tidak menunjukkan apa-apa kekasaran dalam permainan tersebut. Dari sini, Bandura et. al. mengambil kesimpulan bahawa kanak-kanak yang kerap menonton siri-siri keganasan di televisyen adalah mempunyai potensi yang tinggi untuk berkelakuan ganas juga sekiranya mereka berpeluang berbuat demikian.

Lovass (1961) dalam kajian beliau juga telah mendapatkan keputusan yang agak serupa. Dalam eksperimen beliau, dua kumpulan kanak-kanak telah didedahkan kepada dua corak filem kartun, yang mana satu bercorak ganas dan yang satu laginya tidak. Kemudian kanak-kanak tersebut telah diberi pilihan memilih satu jenis barang permainan dari 2 jenis yang berbeza, dimana satu adalah bercorak "ganas" (by turning a lever the doll could hit another on the head) dan satu laginya tidak (moving doll figures that did not hit one another). Adalah didapati apabila pilihan dibuat, kanak-kanak yang terdedah kepada filem-filem kartun bercorak keganasan adalah lebih cenderung memilih barang permainan yang "ganas" juga bentuknya. Kanak-kanak lainnya memilih barang permainan yang lembut sifatnya. Implikasi yang dapat dibuat oleh Lovass ialah pendedahan kanak-kanak kepada aksi-aksi yang agresif di televisyen akan meninggikan kadar agresi mereka.

Selain dari mereka-mereka itu Liebert (1972) telah menjalankan satu kajian bagi melihat samada pendedahan kanak-kanak kepada unsur-unsur keganasan di televisyen akan mendorong mereka bertindak demikian juga. Seramai 136 orang kanak-kanak yang berumur antara 5 - 6 tahun

dan 8 - 9 tahun telah dipilih untuk menjalani eksperimennya. Kanak-kanak ini didedahkan kepada filem-filem bercorak keganasan dan kemudiannya diberi peluang oleh pengkaji menyakiti kawan mereka dalam masa bermain. Apa yang dapat beliau rumuskan dari pemerhatiannya ialah kanak-kanak yang didedahkan kepada keganasan di televisyen didapati kerap sekali "menyerang" kanak-kanak yang lain dalam masa bermain.

Dari tiga kajian yang tertera di atas dapat dilihat bahawa kanak-kanak memang terpengaruh dengan unsur-unsur keganasan yang ditonton oleh mereka, baik dari alam nyata mahupun dari televisyen.

Namun satu hal yang perlu diberikan perhatian di sini ialah kajian-kajian sedemikian adalah berupa eksperimen dan pemerhatian yang dibuat adalah bersifat jangka pendek cuma. Oleh kerana hal inilah maka keputusan-keputusan seperti yang didapati di atas adalah tidak terlepas dari dua tanda tanya yang masih belum dapat ditunjukkan dengan jelas oleh para pengkaji berkenaan. Persoalannya ialah adakah kanak-kanak yang berkelakuan ganas selepas sahaja menonton elemen-elemen keganasan yang ditonjolkan kepada mereka itu akan terus berkelakuan demikian di luar makmal, yakni apabila berada dalam situasi-situasi yang lain pula? Adakah kanak-kanak tersebut akan berperilaku ganas juga kepada objek-objek yang lain umpamanya binatang-binatang, kawan-kawan yang lain dan ibu bapa mereka sendiri?.

Persoalan kedua pula berkait dengan pengekalan kesan-pengaruh tersebut pada diri kanak-kanak tersebut. Memang benar yang kanak-kanak akan terus berkelakuan agresif selepas sahaja mereka didedahkan kepada filem-filem bercorak demikian seperti yang dilihat dalam kajian-kajian di atas. Tetapi adakah kelakuan tersebut akan terus berkekalan dan berlarutan dalam satu jangkamasa yang lama? Inilah diantara persoalan-

persoalan dan tandatanya-tandatanya yang masih belum mampu dijawab oleh para pengkaji yang membuat kajian-kajian serupa itu.

Bukan semua kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan pertalian yang positif antara pendedahan siri-siri bercorak keganasan akan secara langsungnya meninggikan kadar keganasan tingkahlaku penonton Mills (1971) dalam kajiannya mendapati bahawa tidak ujud satu pertalian antara corak tingkahlaku tontonan televisyen dan siri-siri keganasan di media tersebut meninggikan kadar aggresi yang berlaku pada 229 kanak-kanak yang menjadi subjek beliau. Juga didapati tidak ujud korelasi antara jumlah masa yang ditumpukan kepada televisyen dan kadar aggresi yang di alami oleh penonton-penontonnya.

Kajian yang agak terkemudian yang dijalankan oleh Wutzel (1977) juga gagal untuk mendapatkan pertalian tersebut. Analisa yang dibuatnya adalah berdasarkan ukuran respons perlakuan subjek, pemerhatian ke atas perlakuan subjek dan ukuran "harm intent" yang dilaporkan oleh subjek selepas menonton adengan-adengan keganasan di televisyen. Keputusan-keputusan yang didapati beliau tidak jelas menunjukkan akan ujudnya apa-apa pertalian yang secara langsungnya menghubungkan pendedahan penonton kepada keganasan di televisyen dan kadar aggresi tingkahlaku mereka selepas itu.

Sebenarnya keputusan dari kajian-kajian yang memusatkan perhatian kepada soal keganasan di televisyen dan kesannya ke atas tingkahlaku para penonton masih lagi dipertikaikan ramai. Masing-masing masih belum lagi dapat menunjukkan dengan jelas bahawa televisyen adalah merupakan satu unsur yang tersendiri yang boleh mempengaruhi tingkahlaku dan kadar aggresi penonton. Keputusan-keputusan yang membicarakan hal yang sama adalah didapati tidak konsisten antara satu sama

lain. Oleh kerana hal inilah maka para pengkaji tersebut cuma dapat merumuskan tiga jenis keputusan berikut mengenai kesan ke atas penonton-penonton yang didedahkan kepada filem-filem bercorak keganasan di televisyen:-

- (a) Ianya boleh mendatangkan kadar agresi tingkahlaku daripada perlakuan ganas di dalam filem biasa dan di dalam filem-filem yang tinggi
- (b) Ianya boleh mengurangi kadar agresi tingkahlaku
- (c) Ianya tidak membawa apa-apa kesanpun ke atas penonton.

Sekiranya didapati bahawa kanak-kanak adalah cenderung untuk meniru aspek-aspek keganasan yang dilihatnya dari televisyen, namun ini bukanlah bererti bahawa kesemua aspek-aspek keganasan tersebut di terima dengan mudah oleh kanak-kanak itu. Sebenarnya ada terdapat beberapa angkubah-angkubah lainnya yang mengawal dan saling pengaruh mempengaruhi kadar peniruan yang dibuat oleh kanak-kanak tersebut kepada apa yang di tontonnya menerusi televisyen.

Adalah dipercayai bahawa kadar kanak-kanak yang meniru unsur-unsur agresif di televisyen adalah bergantung juga kepada sikap dan pandangan berperanan ganas tersebut menerima sanjungan ataupun hukuman di dalam filem itu. (Middlebrook, 1971). Sekiranya pelaku dalam filem tersebut menerima hukuman pada akhir ceritanya, maka tendensi penonton kanak-kanak itu meniru perlakuan demikian akan tersekat. Kanak-kanak tersebut mungkin merasa takut berkelakuan demikian kerana hukuman yang dikenakan oleh masyarakat kepada sesiapa yang berperilaku demikian adalah berat seperti apa yang ditontonnya dari filem-filem yang mempunyai akhiran demikian.

Bandura dan Ross (1963) mendapati kanak-kanak adalah lebih cenderung meniru perlakuan-perlakuan yang dilakukan oleh model yang 'real' daripada model-model yang ditonjolkan di filem-filem. Dari kajian mereka adalah didapati bahawa perlakuan ganas yang dilakukan oleh pengkaji sendiri adalah lebih banyak ditiru oleh kanak-kanak daripada perlakuan ganas di dalam filem biasa dan di dalam filem-filem kartun. Filem-filem kartun, mungkin kerana ianya adalah bercorak animasi dan lebih jauh dari realiti maka identifikasi kanak-kanak kepada model-model kartun itu adalah lebih kecil. Oleh itulah peniruan kanak-kanak dari filem-filem kartun juga turut menjadi rendah.

Feshbach (1971) pula mengatakan bahawa pengaruh dan kadar aggresi yang dialami penonton adalah berbeza-beza menurut realiti filem yang diputarakan kepada mereka. Filem-filem yang membawa unsur-unsur keganasan yang realistik adalah dengan lebih tinggi lagi dapat meninggikan kadar aggresi yang berlaku dalam diri para penonton daripada filem-filem keganasan yang bercorak rekaan semata-mata.

Kanak-kanak adalah tidak terlepas pergantungan mereka kepada ibu bapa masing-masing. Kadar pengaruh yang diterima oleh kanak-kanak dari media tersebut adalah bergantung juga kepada sikap dan pandangan ibu bapa mereka masing-masing terhadap unsur-unsur. Keganasan yang ditonjolkan oleh televisyen. Chafee dan Mac Cleod (1971) mendapati bahawa sekiranya ibu bapa mereka adalah bersikap permisif kepada elemen-elemen keganasan di televisyen maka ada kemungkinannya yang anak-anak mereka akan menjadi lebih bebas dan cenderung meniru tingkahlaku yang ditontonnya dari media tersebut. Penerimaan ibu bapa terhadap unsur-unsur begitu seperti memberi anggapan kepada anak-anak mereka yang hal tersebut tidaklah sangat di larang menirunya. Yang demikian ini

semacam menggalakkan anak-anak mereka menjadi lebih berani meniru perlakuan-perlakuan begitu. Di sini kita lihat betapa sikap ibu bapa terhadap televisyen itu sendiri adalah penting dalam mengendalikan tingkahlaku anak-anak mereka sekiranya pengaruh-pengaruh yang tidak diingini dari televisyen ingin dikawal dari mempengaruhi pemikiran dan perlakuan anak-anak mereka.

Pendedahan kepada filem-filem bercorak keganasan juga boleh mendorong penonton berbuat baik dan tidak sebaliknya seperti yang dijangkakan oleh orang ramai. Faktor keberlainan latarbelakang sosio-ekonomi seseorang mungkin boleh mendatangkan kesan-pengaruh televisyen yang berbeza-beza bagi setengah-setengah individu. Stein dan Friedrich, (1971) telah menjalankan kajiannya dengan mengambil penuntut-penuntut dari sebuah kolej sebagai subjek mereka selama enam minggu. Penuntut-penuntut tersebut berasal dari dua status sosio-ekonomi yang berbeza, di mana sekumpulan dari mereka datang dari kelas atasan dan sekumpulan lagi dari kelas bawahan. Dua bentuk filem, satu yang bercorak keganasan dan satu lagi bercorak "seruan kepada membuat kebajikan" (Prosocial Films) telah didedahkan kepada kedua-dua kumpulan tersebut. Dari pemerhatian yang dibuat kemudiannya adalah didapati bahawa subjek dari status sosio-ekonomi yang rendah melipatgandakan kegiatan kebajikan dan berbuat baik setelah didedahkan kepada "Prosocial Films". Tetapi hal ini tidak berlaku kepada penuntut-penuntut yang status sosio-ekonominya tinggi walaupun mereka didedahkan pada filem yang sama. Sebaliknya cuma apabila penuntut-penuntut dari status sosio-ekonomi tinggi didedahkan kepada siri-siri bercorak keganasan baharulah didapati mereka-mereka itu memberi respons berbuat baik dan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti pertolongan.

Di sini jelas menunjukkan bahawa kandungan dari sesebuah filem

yang ditayangkan menerusi televisyen mendatangkan kesan yang berbeza-berbeza kepada para penonton yang berbeza kedudukan sosio-ekonominya. Dari sini juga boleh dibuat satu pandangan bahawa kemungkinan yang filem-filem bertapak angkubah-angkubah lain yang telah dibicarakan di atas yang filem bercorak keganasan adalah mampu menggerakkan perasaan kasihan belas di kalangan para penonton dan lantas dengan itu mendorong mereka meninggikan kegiatan berbuat baik dan kebajikan. Kajian di atas dengan itu menolak pendapat ramai yang selalunya secara spontan mengaitkan ketinggian kadar aggresi tingkahlaku penonton apabila didedahkan kepada filem-filem yang bercorak-keganasan tanpa mengira angkubah-angkubah sosio-ekonomi penonton-penonton tersebut terlebih dahulu.

Donohue et. al. (1977) menunjukkan bahawa faktor-faktor keberlainan status sosio-ekonomi, personaliti, dan keadaan kanak-kanak itu sendiri akan membawakan tanggapan dan pengaruh yang berbeza terhadap apa yang ditonton mereka dari televisyen. Responden-responden dalam kajian mereka ini adalah terdiri dari kanak-kanak kulit hitam, kanak-kanak kulit putih, kanak-kanak yang dikategorikan sebagai "Gifted Whites", (yang mempunyai IQ yang tinggi) dan kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi (Emotionally disturbed children). Dari rumusan yang dibuat adalah didapati bahawa kanak-kanak kulit hitam dan kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi lebih ketara menghubungkan apa yang dilihat mereka dari terhadap unsur-unsur keganasan dalam tingginya apabila menonton berbeza-berbeza televisyen dengan realiti walhal babak-babak yang ditonton mereka itu adalah rekaan semata-mata. Sebaliknya kanak-kanak berkulit putih dan kanak-kanak "Gifted Whites" didapati lebih 'bijak' membezakan satu babak yang ditonton itu samada benar ataupun tidak. Di sini kita lihat bahawa angkubah-angkubah lain selain daripada faktor sosio-ekonomi dilihatnya dari televisyen; bahkan sama-sama kanak-kanak yang lain seperti kadar IQ dan keadaan emosi penonton kanak-kanak itu sendiri boleh mempengaruhi sikap dan tanggapan mereka terhadap apa yang dilihat di televisyen.

Yang demikian bolehlah dikatakan di sini bahawa tidak semua unsur-unsur keganasan yang ditonjolkan oleh televisyen itu memberi kesan-pengaruh yang serupa buat semua penonton kanak-kanak. Sebenarnya ada terdapat angkubah-angkubah lain yang telah diuraikan di atas yang sama-sama saling pengaruh dan mempengaruhi kadar peniruan kanak-kanak kepada apa yang ditonton mereka menerusi televisyen.

Kanak-kanak seperti yang disebutkan tadinya adalah tidak terlepas dari ikatan yang erat dengan ibu bapa mereka masing-masing. Kajian yang dijalankan ini pun mengambil kira pengaruh ibu bapa terhadap corak tingkahlaku kanak-kanak terhadap televisyen. Yang demikian maka adalah wajar bagi kita melihat kajian yang dibuat oleh Chafee et. al. (1978) mengenai corak tingkahlaku kanak-kanak terhadap televisyen di samping ibu bapa masing-masing. Dalam kajian mereka ini golongan responden adalah terdiri dari 87 famili yang mempunyai kanak-kanak dalam 7 tahun grade persekolahan mereka dan 112 famili yang mempunyai kanak-kanak dalam lingkungan 11 tahun dan 12 tahun grade persekolahannya. Dari kajian ini adalah didapati bahawa pandangan dan sikap kanak-kanak tersebut terhadap apa yang ditonton dari televisyen adalah berbeda-beda dalam keadaan-keadaan menonton dengan ibu bapa, atau dengan adik beradik atau bersendirian. Adalah didapati bahawa tanggapan kanak-kanak tersebut terhadap unsur-unsur keganasan adalah tinggi semasa menonton bersama-ibu bapa mereka. Kanak-kanak tersebut juga melapurkan yang "Social learning" yang didapati dari televisyen turut meningkat semasa menonton dengan ibu bapa masing-masing. Bagi mereka-mereka yang menonton bersama kawan-kawan pula, kanak-kanak tersebut lebih menerima apa sahaja yang dilihatnya dari televisyen; asalkan semua kawan-kawannya yang lain menerima unsur-unsur tersebut. Di sini kita lihat bahawa kanak-kanak adalah terpengaruh dengan sikap dan pandangan kawan-kawannya yang lain

dan jelas di sini bahawa unsur "conformity" dalam kumpulan memainkan peranan penting dalam menentukan sikap dan penerimaan kanak-kanak tersebut kepada unsur-unsur tertentu yang ditonjolkan oleh televisyen.

Dari kajian Chafee et. al. ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kehadiran ibu bapa bersama anak-anak mereka semasa menonton televisyen boleh mempengaruhi tanggapan dan sikap kanak-kanak tersebut terhadap apa yang dilihatnya menerusi media itu. Penulis berpendapat bahawa halnya adalah berlaku sedemikian rupa sekiranya para ibu bapa menonton bersama-sama ialah kerana unsur ibi bapa itu sendiri adalah merupakan simbol kekuasaan dan kewibawaan dalam rumahtangga. Merekalah yang mengawal dan mendisiplinkan anak-anak. Selalunya tanggapan ibu bapa terhadap unsur-unsur keganasan di televisyen adalah tinggi dan mereka berpandangan negatif terhadapnya takut kalau-kalau elemen tersebut mempengaruhi pemikiran dan tingkahlaku anak-anak. Sebaliknya para ibu bapa adalah mengalu-alukan sebarang bentuk pelajaran sosial yang dianggap mereka berfaedah bagi diri kanak-kanak. Oleh hal-hal inilah maka kita dapati kanak-kanak yang menonton bersama-sama ibu bapa mereka pasti mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap unsur-unsur keganasan di televisyen dan sebaliknya lebih banyak menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dianggap lebih berfaedah bagi diri mereka.

Kajian-kajian mengenai televisyen yang berkait dengan aspek-aspek perbezaan jantina (sex differences) juga telah banyak dibuat oleh pengkaji-pengkaji Barat.

Liebert dan Brown (1962) telah mengambil kanak-kanak lelaki dan perempuan di dalam lingkungan umur 5-6 tahun dan 8-9 tahun sebagai saobjek-sabjek bagi kajian mereka. Sebuah filem bertajuk "The Untouchables"

telah diputarakan kepada subjek-subjek selama 3½ minit. Kemudian kanak-kanak tersebut kememuanya telah diberi 2 jenis 'tugas' oleh pengkaji untuk dilaksanakan mereka guna bagi mengukur kadar aggresi tingkahlaku kanak-kanak itu selepas didedahkan kepada keganasan yang terkandung dalam filem tersebut. Pertamanya kanak-kanak tersebut telah diarah oleh pengkaji samada "menolong" (dengan menekan satu butang merah di depan mereka) atau "menyakiti" (dengan menekan butang hijau) seorang kanak-kanak yang dikatakan sedang berada di bilik sebelah. Selepas tugas itu dilaksanakan, kanak-kanak itu diberi peluang secara bebas untuk memilih apa jua jenis alat permainan yang disediakan. Segala pemilihan alat permainan yang dianggap "ganas" seperti pistol, pisau dan tindakan ganas terhadap anak-anak patung dicatatkan oleh pengkaji. Dari pemerhatian yang dibuat tidak terdapat unsur perbezaan jantina antara kanak-kanak itu pada peringkat "menolong" atau "menyakiti" kanak-kanak lain. Tetapi dalam membuat pilihan alat-alat permainan dan masa-masa bermain, unsur-unsur perbezaan jantina mulai wujud di mana adalah didapati bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih cenderung memilih alat-alat permainan yang dianggap "ganas" dan bermain dengan lebih ganas dan kasar dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan.

Dari kajian-kajian lain yang dibuat baik yang menggunakan metode-metode pemerhatian seperti yang dilakukan oleh Federsen & Bull (1970), Mc Intyre (1972), Smith & Conolly (1972) ataupun eksperimen yang dibuat oleh Parton & Geshuni (1971), Hapkiewicz & Roden (1971), Liebert & Baron (1972), mereka telah sama-sama mendapati bahawa kadar aggresi tingkahlaku adalah tinggi bagi pihak kanak-kanak lelaki dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan. Kajian yang sama yang berupa "cross cultral studies" dilakukan oleh Omark et. al. (1973) dan Whiting & Pope (1974) telah mendapat keputusan yang sama. Maccoby dan Jacklin

(1974) dalam buku mereka, "The Psychology of sex Differences", setelah meneliti kajian-kajian yang banyak mengenai hal ini telah sama-sama mencapai satu kesimpulan iaitu kanak-kanak lelaki cenderung dan mempunyai kadar agresi tingkahlaku yang tinggi daripada kanak-kanak perempuan.

Kanak-kanak, baik lelaki mahupun perempuan, memang walau sedikit sebanyaknya meniru watak-watak atau peranan-peranan pelakon yang ditonton mereka di televisyen. Dari beberapa kajian yang dibuat oleh Maccoby & Wilson (1951) dan Maccoby et. al. (1958), mereka mendapati kanak-kanak dari jantina yang berbeda adalah lebih cenderung mengidentifikasikan diri mereka kepada pelakon-pelakon yang sama jenis dengan mereka dan tidak sebaliknya. Ini bermakna dalam proses penerimaan perlakuan watak-watak yang ditonjolkan oleh televisyen ujud apa yang dipanggil sebagai "selective invitation" menurut jantina bagi kanak-kanak tersebut. Namun harus diingat bahawa "selective imitation" menurut jantina ini akan berubah dan bertukar menjadi sebaliknya apabila kanak-kanak itu meningkat dewasa.

Sekiranya apa yang didapati dari kedua kajian di atas itu benar maka ianya boleh digunakan bagi menjelaskan mengapa kanak-kanak lelaki adalah lebih berpengaruh kepada siri-siri bercorak keganasan dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan. Menurut Liebert (1973) pada keseluruhannya, filem-filem di televisyen selalunya menunjukkan kaum lelaki adalah lebih ganas dan lebih ramai yang diberikan peranan-peranan jahat dari pelakon-pelakon wanita. Mengenai elemen "Sex Stereotyping" di televisyen Liebert menambah dengan mengatakan bahawa,

"Women are less successful when they are involved in violence: they are more likely to be victims"

then aggressors, if they aggress, they are less likely than man to get away with it". (Liebert, 1973, hal. 19).

Dengan berpanduan akan apa yang diperkatakan oleh Liebert ini dan sekiranya kanak-kanak lelaki adalah lebih cenderung mengidentifikasikan diri mereka dengan pelakun lelaki, maka sudah tentulah (pada pendapat penulis) terdapat lebih ramai dari kanak-kanak lelaki yang bertendensi untuk berperakuan ganas dan kasar selepas didedahkan kepada filem-filem bercorak keganasan berbanding dengan kanak-kanak perempuan.

KAJIAN-KAJIAN TEMPATAN

Seperti yang telah diperkatakan pada permulaan bab dua ini, kajian-kajian mengenai televisyen memang pernah dilakukan di Malaysia. Tetapi setakat yang diketahui jumlahnya tidaklah banyak seperti mana yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji di tempat lain, terutamanya di Barat.

Jabatan Komunikasi Massa, Universiti Sains Malaysia, pada bulan September, 1978 telah menyiapkan satu kajian mengenai unsur-unsur keganasan yang didapati dari beberapa buah siri yang disiarkan oleh RTM. Kajian yang dilakukan selama seminggu itu menunjukkan bahawa tiga siri yang banyak sekali membendung unsur-unsur keganasan dan kekejaman ialah siri "Combat", "Switch" dan "How The West Won". Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Majallah Berita Kampusnya lagi, sebanyak lapan pembunuhan, 28 das tembakan dan 50 tumbukan telah disiarkan oleh RTM sepanjang kajian dibuat. Hari-hari Sabtu dan Ahad adalah hari-hari yang paling "ganas" yang dibawa oleh Radio Televisyen Malaysia, di mana Rangkaian Pertamalah yang banyak

sekali dibanjiri oleh filem-filem bercorak demikian. (New Straits Times, February, 1979). Sayangnya kajian ini tidak diperlanjutkan lagi kepada kesan-kesannya ke atas para penonton itu sendiri.

Pihak Radio Televisyen Malaysia dengan bantuan Survey Research Malaysia pada pertengahan tahun 1979 (Sila lihat NST, Sept. 24, 1979) telah menjalankan satu penyelidikan untuk mendapat maklumat mengenai sambutan orangramai terhadap rancangan-rancangan televisyen yang di siarkannya. Dari laporan yang dibuat adalah didapati bahawa rancangan-rancangan tempatan berbentuk hiburan dan drama mendapat sambutan yang paling tinggi. (merangkumi lebih daripada 1½ juta penonton). "Senderama", satu rancangan menduduki tempat pertama, diikuti pada tempat keduanya oleh rancangan "Drama Minggu Ini". Lain-lain program tempatan yang mendapat sambutan ialah "Muzika", "Sinar Islam", "Panduan Ibadat" dan "Nasyid". Menyentuh siri-siri yang lainnya pula "Tayangan Gambar Melayu" (2,416,000 penonton) mendapat tempat yang paling tinggi, diikuti oleh siri-siri "The Six Million Dollar Man" (1,780,000 penonton), "The American Girls" (1,312,000) dan "Chopper Squad" (1,225,000). Siri-siri luar yang popular selain daripada yang di atas termasuklah "The Rockford Files", "Banary Jones", "Project UFO", dan Tayangan Gambar Mandarin/Kantonis. (New Straits Times, SEPT. 24. 1979).

Dengan dua contoh kajian di atas maka bolehlah dikatakan bahawa Malaysia sebenarnya tidaklah ketandusan langsung dalam penyelidikan mengenai perkembangan televisyen. Cuma yang menjadi tandatanya ialah mengapakah badan-badan tertentu seperti Radio Televisyen Malaysia sendiri yang begitu rapat sekali dengan media tersebut belum lagi mengorak langkah untuk membuat satu kajian yang lebih khusus dan spesifik mengenai pengaruh-pengaruh dan kesan akibat yang dibawa oleh media

tersebut ke atas masyarakat. Kedua-dua kajian di atas cuma berbentuk deskriptif sahaja sifatnya. Bukanlah bermakna di sini yang kajian-kajian itu tidak berguna tetapi adalah lebih baik sekiranya dapat ia diperkembangkan lagi penganalisaannya kepada satu bentuk yang lebih luas dan khusus seperti mana yang telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar, terutamanya pengkaji-pengkaji Barat.

BANYAK KAJIAN

PENUTUP

Perkembangan dan pengaruh televisyen adalah semakin meluas dan ketara kesannya ke atas masyarakat, khasnya masyarakat kanak-kanak. Singer & Singer (1976) ada menyentuh tentang betapa pentingnya televisyen kini buat diri kanak-kanak. Televisyen sekarang menurut mereka adalah,

"Like an imaginary companion, 'Big Brother', it is there providing stimulation and talking to the smallest child in a way that has never been a part of human experience before".
(Singer & Singer, 1976, hal. 496).

Di pandang dari segi ini maka bolehlah dikatakan bahawa kajian yang dibuat ini adalah menyahut cabaran tentang betapa kurangnya kajian-kajian mengenai televisyen secara yang lebih khusus dibuat di Malaysia pada masa-masa lalu. Walaupun kajian ini adalah lebih menumpukan perhatiannya kepada kanak-kanak dan ianya juga tidaklah dibuat ke-
peringkat "nation-wide", namun adalah menjadi harapan penulis yang ianya akan sedikit-sebanyaknya dapat memberikan sumbangan ke arah memperbanyakkan lagi kajian-kajian serupa ini di tanahair.

Jumlah

n = 26

n = 26

n = 52

PENILIHAN SAMPEL

BAB III

METHODOLOGI

RANGKA KAJIAN

Kesemua responden yang ditemui berjumlah seramai 52 orang. Jumlah ini meliputi 26 responden kanak-kanak berumur antara 8 hingga 10 tahun bersama dengan 26 responden masing-masing. Kanak-kanak ini juga rata-ratanya adalah berada di dalam darjah tiga atau empat di peringkat persekolahan mereka. Dari jumlah 26 orang kanak-kanak itu ianya dibahagikan pula kepada dua bahagian yakni 13 daripadanya adalah merupakan kanak-kanak lelaki dan 13 laginya perempuan. Responden-responden adalah terdiri daripada orang-orang Melayu. Rangka kajian yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3:1.

Jadual 3:1

Susunan Responden-Responden

RESPONDEN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
KANAK-KANAK	n = 13	n = 13	n = 26
IBU	n = 13	n = 13	n = 26
JUMLAH	n = 26	n = 26	N = 52

PEMILIHAN SAMPEL

Kajian ini dilakukan di kediaman Polis Bandar Kuala Trengganu.

Faktor yang mendorong penulis memilih responden-responden dari komuniti ini adalah berdasarkan keseragaman dari segi pekerjaan. Kajian-kajian mengenai televisyen telah menunjukkan bahawa perbezaan status ekonomi responden adalah merupakan satu angkubah yang penting yang boleh mempengaruhi sikap dan pandangan responden-responden terhadap media tersebut. (Contoh: Fesbach & Singer 1971). Oleh itu sebagai satu cara untuk mengurangi angkubah ini daripada mempengaruhi pandangan responden maka pengawalan (Kontrol) dari segi pekerjaan dan pendapatan bapa dianggap wajar dilakukan. Walaupun memang diakui juga bahawa perbezaan status ekonomi tetap wujud memandangkan adanya pengolongan dan pangkat-pangkat tertentu dalam komuniti polis ini, namun setakat yang mungkin telah dicapai juga sedikit kawalan seperti yang diharapkan.

Sebenarnya hasrat pengkaji pada sebelum kajian ini dibuat ialah untuk memilih responden ibubapa dari satu kelompok pangkat cuma. Namun sesampai di komuniti tersebut didapati keluarga-keluarga yang mempunyai kanak-kanak seperti yang dikehendaki tidak cukup dan tidak dapat dipenuhi oleh satu kelompok responden dari satu pangkat sahaja. Dengan itu tidak ada jalan lain lagi untuk mencukupi bilangan responden kanak-kanak seperti yang dikehendaki selain dari meluaskan lagi skop pemilihan kepada keluarga-keluarga yang berlainan pangkat. Akhirnya penulis

terpaksa mengambil kira responden-responden dari dua golongan pangkat iaitu polis biasa dan korporal. Dalam sample ini bapa-bapa yang berpangkat polis biasa dan korporal bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah lebih kurang sama bilangannya antara kedua-dua pihak kanak-kanak tersebut. Yang demikian pengawalan keatas faktor sosio-ekonomi responden-responden tersebut juga dapat sedikit-sebanyaknya dibuat oleh penulis.

Walaupun begitu keadaannya namun penulis berasa puashati juga kerana pengawalan dari segi status sosio-ekonomi dapat juga dibuat sedikit sebanyak. Ini adalah kerana pangkat constable dan korporal tidak begitu besar jurang perbezaannya baik dari segi pendapatan maupun statusnya, kerana kedua-duanya adalah tergolong dalam kumpulan "rank and file" sahaja.

PEMILIHAN RESPONDEN

Ada dua golongan responden yang besar yang ditemuramah. Mereka itu adalah responden kanak-kanak di satu pihak dari para ibu masing-masing di satu pihak yang lain.

Kriteria yang digunakan dalam pemilihan responden kanak-kanak ialah faktor umur. Kanak-kanak yang dipilih adalah dalam lingkungan umur 8 hingga 10 tahun. Kerana ketetapan umur adalah agak sukar untuk dibuat dengan tepat maka pengkaji telah membuat sedikit pindaan ke atas kriteria tersebut apabila beliau berada di komuniti tersebut. Seperti yang diketahui kanak-kanak di Malaysia yang berumur antara 8 - 10 tahun biasanya berada di dalam darjah tiga dan empat di peringkat persekolahan masing-masing. Oleh hal yang demikian pemilihan responden kanak-kanak

telah diubah memakai kriteria darjah persekolahan mereka. Pada asasnya kriteria pemilihan ini tidak banyak berubah kerana seperti yang didapati kanak-kanak dari darjah tiga adalah bersamaan dengan peringkat umur 9 tahun dan darjah empat pula 10 tahun. Rata-ratanya dari pemilihan yang dibuat umur purata responden kanak-kanak ialah 9.6 tahun.

Kanak-kanak dalam lingkungan umur begini adalah dianggap pengkaji sebagai sedang menduduki satu tahap kecergasan yang tinggi dalam banyak hal termasuklah di dalam kecergasannya bertindak, menerima, mempengaruhi dan dipengaruhi oleh alam sekeliling. Dalam peringkat umur sebegini mereka adalah lebih responsif untuk memberi tindakbalas kepada soalan-soalan yang diajukan kepada mereka. Oleh kerana kajian ini menggunakan metode temuramah melalui soal-selidik maka adalah dirasakan perlu mendapatkan kanak-kanak yang sudah boleh dianggap berkemampuan untuk memberi "verbal responsenya" kepada pengkaji. Satu hal lagi, adalah didapati juga dari kajian-kajian mengenai kanak-kanak dan televisyen, ramai daripada pengkaji-pengkaji yang telah menjalaninya antara lainnya Hollenbeck, (1978) mengakui yang kanak-kanak dalam lingkungan umur yang tersebut adalah erat ikatannya dengan peti televisyen. Oleh hal-hal inilah maka pemilihan responden kanak-kanak yang dipilih adalah di dalam lingkungan umur sedemikian.

Di samping kanak-kanak, para ibu mereka masing-masing telah diambil sebagai responden. Adalah lebih baik sekiranya dapat diambil ibu serta bapa masing-masing sekali dalam temuramah yang dijalankan. Tetapi kerana memandangkan jangka masa kajian adalah pendek dan didapati bahawa si ibu lebih "accessible" atau lebih

senang dijumpai dari si bapa maka tidak dapatlah kedua-duanya sekali dipilih sebagai responden. Juga adalah didapati bahawa kanak-kanak, terutamanya dalam lingkungan umur 8 - 10 tahun begitu, adalah lebih dekat kepada si ibu dari si bapa. Bermakna di sini dalam peringkat umur yang demikian pengaruh si ibu dalam bilangan responden kanak-kanak kepada 26; iaitu 13 lelaki dan 13 soal-soal pengasuhan, sosialisasi dan pengawalan kanak-kanak tersebut adalah melebihi peranan si bapa. Oleh kerana kajian ini juga memberatkan diskripsi tingkahlaku tantunan, pengawalan dan disiplin kanak-kanak tersebut kepada televisyen, maka sudah barang tentu responden pihak ibu lebih diutamakan dari responden bapa. Oleh hal-hal inilah maka si ibu dan tidak bapa mereka sekali diambil sebagai responden bagi kajian ini.

Hasrat pengkaji pada asalnya ialah penumpuan soal-selidik akan merangkumi 15 responden kanak-kanak lelaki dan 15 orang kanak-kanak perempuan beserta para ibu masing-masing. Malangnya usul tersebut terpaksa dibatalkan kerana timbul masalah ketidak-cukupan responden kanak-kanak seperti yang dikehendaki penulis. Pindaan telah dibuat kemudiannya dimana bilangan responden tersebut menjadi sedemikian rupa seperti dalam Rangka Kajian di atas.

Bilangan kanak-kanak yang berada pada peringkat darjah tiga dan empat yang diperolehi pada mula penulis jumpai di komuniti tersebut adalah seperti berikut: 13 kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan, 15 orang. Bapa-bapa mereka ini adalah tergolong dalam kelompok yang berpangkat polis biasa dan korporal. Bilangan ini adalah tidak mencukupi kerana terdapat kekurangan 2 orang kanak-kanak lelaki. Penulis cuba menampung kekurangan ini dengan mengambil kira kanak-kanak dari keluarga berpangkat Sarjen.

Malangnya itu pun tidak berhasil kerana terdapat ketiadaan kanak-kanak lelaki seperti yang dihajati dalam keluarga-keluarga ini.

Oleh hal yang demikian penulis terpaksa menghadkan bilangan responden kanak-kanak kepada 26; yakni 13 lelaki dan 13 perempuan. Kesemua bilangan kanak-kanak lelaki dimasukkan terus ke dalam sampel dan 13 orang dari 15 orang kanak-kanak perempuan pula terpaksa dipilih secara rambang untuk menyamai bilangan responden kanak-kanak lelaki yang ada.

3.5 SOAL SELIDIK

Kajian ini adalah bercorak temuramah melalui schedule soal selidik yang telah disediakan penulis. Ada dua set soal selidik yang dibuat; satu untuk responden kanak-kanak dan satu laginya untuk responden ibu.

Soal selidik tersebut adalah berbentuk "structured questionnaire". Jenis-jenis soalan pula adalah merupakan kombinasi soalan-soalan jenis terbuka (open-ended) dan tertutup (closed-ended). Namun secara keseluruhannya jumlah soalan-soalan jenis kedua adalah melebihi soalan-soalan jenis pertama yang disediakan oleh penulis.

Berdepan dengan kanak-kanak adalah berlainan caranya apabila berdepan dengan responden orang-orang dewasa. Orang dewasa mungkin lebih berupaya untuk memikir panjang-panjang dan mampu mengupas pandangan-pandangan mereka dengan baik apabila satu-satu persoalan dikemukakan kepada mereka. Hal ini adalah

berlainan bagi responden kanak-kanak. Soalan bagi kanak-kanak haruslah ringkas, kemas, mudah difahami dan kalau boleh, ianya adalah lebih baik jika disertakan dengan jawapan atau pilihan-pilihan jawapannya sekali. Dari kajian yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa kanak-kanak adalah lebih cepat dan responsif kepada soalan-soalan jenis tertutup. Sebaliknya mereka seperti menghadapi semacam keresahan dan mengambil masa yang lama apabila diajukan soalan-soalan jenis terbuka yang mana ianya memerlukan kanak-kanak itu mengolah dan memikirkan sendiri jawapan-jawapan @ pendapat mereka bagi menjawabnya. Di sinilah terletak faedah dan sebab mengapa penulis lebih mengutamakan soalan-soalan berbentuk close ended, semata-mata untuk memudahkan respons kanak-kanak itu sendiri dan memendikkan masa temuramah dilakukan.

Penggunaan "structured questionnaire" juga boleh mengawal jenis-jenis soalan yang hendak dikemukakan oleh penulis. Bagi responden-responden ibu pula, penggunaan soal selidik jenis ini berkemungkinan merapatkan jurang perbezaan respons antara para ibu yang lebih berupaya mengupas jawapan-jawapan dengan baik dengan ibu-ibu yang kurang baik dalam hal ini.

Kesemua soalan-soalan yang disediakan adalah di dalam Bahasa Malaysia. Bahasa itulah juga yang dipakai dalam temuramah-temuramah antara penulis dengan responden-respondennya.

Soal selidik yang disediakan adalah dijangka mengambil masa lebih kurang 40 minit bagi responden ibu dan 30 minit bagi responden kanak-kanak. Peruntukan masa yang lebih dari itu, terutamanya bagi kanak-kanak, akan hanya mengurangi kadar perhatian

yang diberi dan menimbulkan keresahan dalam diri mereka. Kita harus ingat bahawa kerjasama para responden dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan seharusnya mestilah konsisten semasa proses temuramah dilakukan. Mengenai hal ini Moser dan Kalton (1977) ada mengatakan bahawa,

"The third requirement for a successful interview is role prototyping" motivation on the part of the respondent to answer the question accurately. This includes his initial decision to cooperate and his subsequent decisions to continue with the interview".
(Moser & Kalton 1977, hal. 271).

Oleh yang demikian maka jadual soal selidik bagi kanak-kanak adalah diperbuat dengan lebih ringkas dan kemas berbanding dengan schedule soal selidik untuk para ibu. Antara persoalan-persoalan yang disentuh dalam dua set jadual soal selidik yang disediakan itu adalah seperti berikut:

I. Untuk responden ini ianya meliputi hal-hal mengenai latarbelakang ibu dan juga si bapa. Corak/deskripsi tingkahlaku tontonan televisyen, pandangan serta sikap mereka terhadap program-program televisyen (baik untuk diri mereka sendiri mau pun bagi pihak anak-anaknya), pengawalan dan pendedahan anak-anak mereka kepada peti televisyen, tanggapan mereka akan pengaruh televisyen ke atas anak-anak dan sikap serta amalan mereka terhadap hal-hal bercorak "sex differentiation" (penjenisan jantina) ke atas anak-anak mereka. (Sila lihat Lampiran A bagi jadual lengkap soal selidik untuk para ibu).

II. Untuk responden kanak-kanak pula ianya merangkumi

hal-hal mengenai latarbelakang kanak-kanak itu sendiri, corak tingkahlaku tontonan mereka, pandangan dan reaksi-reaksi mereka terhadap program-program yang ada, sikap mereka terhadap filem-filem berbau keganasan, pembentukan nilai dan pembelajaran yang difikirkan sebagai pengaruh dari televisyen, kedudukan televisyen di dalam masa-masa lapang mereka dan akhirnya ianya berkait juga dengan aspek-aspek identifikasi "Television sex role stereotyping" antara diri mereka dengan apa yang dilihat dari media tersebut. (Sila lihat Lampiran B bagi jadual lengkap soal selidik untuk kanak-kanak).

TEMURAMAH

Penemuramah adalah penulis sendiri. Temuramah yang dijalankan adalah dari rumah ke rumah dalam suasana yang tidak resmi. Ianya dijalankan pada siang hari sahaja kerana pengkaji tidak dibenarkan berada di kawasan tersebut selepas pukul enam petang kerana sebab-sebab keselamatan.

Selalunya pada hari-hari persekolahan penulis menjalankan temuramah pada sebelah petang kerana keseluruhan dari responden kanak-kanak bersekolah pada sebelah paginya. Sebanyak dua buah keluarga dapat ditemui pada sebelah petang begitu. Tetapi pada hari-hari kelepasan pengkaji memulakan temuramahnya pada sebelah pagi lagi. Pada hari-hari begini empat buah keluarga dapat ditemui untuk ditemuramah, masa yang diambil bagi menghabiskan temuramah ialah lebih kurang 3 minggu.

Sebelum pengkaji memulakan temuramahnya pada setiap responden yang ditemui ianya akan terlebih dahulu memperkenalkan

dirinya dan mengatakan dengan jelas hasrat serta tujuan kajian itu dibuat. Respons yang ingin diberikan ada terbuka, tidak ada sebarang paksaan dibuat. Sekiranya responden tidak berkenan untuk menjawab soalan-soalan tertentu yang diajukan kepada mereka penulis tidak sekali-kali memaksanya untuk menjawab. Mengenai biografi para ibu nama-nama mereka tidak diminta semata-mata untuk mengelakkan keraguan dan syak wasangka. Penulis memberi jaminan bahawa segala jawapan yang diberikan oleh mereka adalah "strictly confidential". Ini adalah bertujuan untuk memberikan keyakinan bagi pihak responden agar mereka menjadi lebih responsif kepada temuramah yang dijalankan.

Hasrat penulis dalam temuramah ini ialah untuk mengajukan soal selidik-soal selidik kepada responden-respondennya secara persendirian, yakni memisahkan responden ibu dan responden kanak-kanak bagi tiap-tiap kali temuramah dijalankan.

Hal pemisahan responden-responden ibu dan kanak-kanak ini dirasakan perlu memandangkan bahawa sekiranya ia tidak dilakukan maka pengaruh-pengaruh tertentu akan berlaku kepada responden-responden tadi dalam memberikan respons mereka kepada penulis. Para ibu mungkin tidak merasa bebas dan 'segar' untuk menimbulkan jawapan-jawapan yang bersifat peribadi dan "sensational" apabila anak-anak berada disamping mereka. Begitu juga dipihak responden kanak-kanak itu sendiri, perasaan tidak begitu bebas dan terbuka dalam memberikan jawapan-jawapan kepada penulis akan wujud apabila mereka itu didampingi oleh ibu atau bapa ataupun adik beradik dan kawan-kawan yang lain semasa temuramah dijalankan. Secara idealnya itulah; namun apabila kajian sebenar dijalankan

malangnya pemisahan tidak dapat dilakukan dengan baik.

Adalah sukar bagi penulis untuk memisah-misahkan respondennya. Cuma segelintir sahaja dari para responden kanak-kanak yang dapat ditemuramah dengan cara berseorangan. Yang lazimnya terjadi ialah kalau tidak si ibu maka si bapa, adik beradik dan kawan-kawan yang sebaya dari sebelah rumah akan turut ikut serta berdamping dengan responden tersebut. Adalah didapati dalam keadaan-keadaan yang sedemikian jawapan responden kanak-kanak itu kadangkala ada juga dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya dan juga oleh ibubapa mereka sendiri.

Oleh hal yang demikian penganalisaan kepada data-data & jawapan-jawapan para responden haruslah dilihat menerusi dan mengambilkira unsur-unsur saling pengaruh-mempengaruhi antara responden itu sendiri seperti yang telah dinyatakan di atas.

Penulis merasakan bahawa beliau telah berjaya mengujudkan "rapport" dengan responden-respondennya semasa temuramah dibuat. Masing-masing telah memberikan kerjasama dengan baik dan terdapat setengah-setengahnya pula (terutamanya pihak kanak-kanak) yang begitu berminat melibatkan diri mereka dengan temuramah yang dijalankan. Sepanjang kajian dilakukan tidak terdapat seorang pun dari responden-responden tersebut yang enggan ditemuramah.

Temuramah berjalan seperti yang dijadualkan iaitu tidak melebihi 30 minit bagi responden ibu dan 40 minit bagi responden kanak-kanak.

BAB IV

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4:1 PENGENALAN

Dalam bab ini penulis akan membincangkan lapuran dan pengulasan data-data dari soal selidik yang telah dianalisis. Persembahan data-data tidak diasing-asingkan antara responden ibu dan kanak-kanak; sebaliknya ia dipersembahkan sekaligus demi untuk memudahkan perbandingan dibuat. Oleh kerana kajian ini adalah merupakan satu analisa komparatif antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan maka segala persembahan data-data dan lapuran akan digambarkan berdasarkan perbandingan jantina juga.

DATA-DATA BIOGRAFI DAN LATARBELAKANG IBUBAPA

Perbincangan ke atas data-data biografi dan angkubah-angkubah latarbelakang keluarga akan diberi perhatian dahulu. Ini adalah bertujuan untuk melihat samada terdapat perbezaan-perbezaan antara angkubah-angkubah umur, latarbelakang pendidikan, dan status perkahwinan ibubapa-ibubapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Faktor umur seseorang mungkin boleh mencorakkan sikap dan pandangan seseorang itu terhadap satu-satu hal. Dari jadual 4:1 dapat dilihat bahawa umur ibu kanak-kanak perempuan adalah melebihi kanak-kanak lelaki. Tetapi umur bapa-bapa kanak-kanak lelaki pula adalah melebihi umur bapa kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:1

Umur Purata Ibubapa : Menurut Jantina Kanak-Kanak

Umur purata ibu/bapa	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Umur purata bapa	47.3 th.	44.8 th.
Umur purata ibu	35.2 th.	38.5 th.

Kesemua daripada responden-responden ibubapa tersebut adalah kekal dalam ikatan perkahwinan masing-masing. Bolehlah diandaikan di sini bahawa setiap keluarga adalah mempunyai jalinan pengaruh dan peranan ketua-ketua keluarga yang lebih kurang sama antara satu sama lain.

Pendidikan ibubapa adalah dianggap penting untuk diperhatikan kerana ianya adalah merupakan satu faktor yang mungkin boleh mendatangkan kesan pengaruh yang berbeza-beza ke atas sikap mereka dalam pengasuhan dan sosialisasi anak-anak. Dari jadual 4:2 terlihat bahawa para ibubapa kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat pendidikan formal yang lebihkurang sama sahaja di antara mereka keduanya.

Jenis persekolahan yang popular yang pernah dilalui oleh majoriti responden ibubapa ialah sekolah Melayu. Dari jadual 4:3 tidak terlihat banyak perbezaan antara jenis persekolahan yang dilalui oleh ibubapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Mengenai pek. Jadual 4:2, tidak rasmi dari para ibu

kanak-kanak tersebut yang bekerja. Duga terdapat 8% (n=1) dari
Tangga Persekolahan Ibubapa : Menurut Jantina Kanak-Kanak
 ibu kanak-kanak lelaki dan 15% (n=2) dari ibu kanak-kanak

Tangga Persekolahan	Ibu Kanak Lelaki	Bapa Kanak Lki.	Ibu K. Prmp.	Bapa K. Prmp.
Sek. Rendah (%)	77	85	85	85
Sek. Menengah (%)	15	15	0	15
Tidak Sekolah (%)	8	0	15	0
Jumlah (%)	100	100	100	100

Bekerja/Tidak Bekerja Kanak-Kanak Lelaki K. Persempuan

Ibu Bekerja Jadual 4:3 8% 15%

Suri Rumah 92% 85%

Jenis Persekolahan Yang Dilalui Ibubapa : Menurut Jantina
Kanak-Kanak (%)

Jenis Persekolahan	Ibu K. Perempuan	Ibu K. Lelaki	Bapa K. Prmp.	Bapa K. Liki.
Sek. Melayu	69	62	87	62
Sek. Inggeris	8	8	15	0
Sek. Mel./Ingg.	0	0	0	15
Sek. Melayu/Arab	8	22	0	0
Sek. Melayu/Agama	0	0	0	15
Tidak Sekolah	15	8	0	0
Jumlah	100	100	100	100

Dari data-data biografi ibubapa di atas perbandingan

antara jantina kanak-kanak sama kelihatan bagi faktor umur ibu
 dan bapa sahaja. Lain-lain hal seperti tangga dan jenis

Mengenai pekerjaan pula, tidak ramai dari para ibu kanak-kanak tersebut yang bekerja. Cuma terdapat 8% (n=1) dari ibu kanak-kanak lelaki dan 15% (n=2) dari ibu kanak-kanak perempuan yang bekerja di luar rumah untuk mendapatkan pendapatan tambahan (lihat Jadual 4:4).

Jadual 4:4

Ibu Bekerja/Tidak Bekerja : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Bekerja/Tidak Bekerja	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu KK. Perempuan
Ibu Bekerja	8%	15%
Suri Rumah	92%	85%
Jumlah	100	100

Kepentingan melihat unsur-unsur umur, status sosio-ekonomi dan tangga persekolahan ibubapa dan kanak-kanak berkait dengan pendedahan mereka kepada televisyen pernah dikatakan oleh Liebert (1973, hal. 8) yang berbunyi, "Age plays a part in determining more specific viewing patterns, as do race, sosio-economic status, educational level, and intelligence." Hollenbeck (1978) pula dalam kajian beliau telah menunjukkan bahawa faktor-faktor umur dan tangga pencapaian akademik yang tinggi bagi seseorang itu akan merendahkan lagi kadar pendedahannya kepada televisyen.

Dari data-data biografi ibubapa di atas perbandingan antara jantina kanak-kanak cuma kelihatan bagi faktor umur ibu dan bapa sahaja. Lain-lain hal seperti tangga dan jenis

persekolahan ibubapa, status perkahwinan dan pekerjaan para ibu adalah lebih kurang sama sahaja bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan.

DATA-DATA BIOGRAFI KANAK-KANAK

Umur kanak-kanak adalah dalam lingkungan 9 dan 10 tahun yakni bersamaan dengan darjah persekolahan tiga dan empat. Umur purata bagi kanak-kanak tersebut ialah 9.6 tahun.

Jadual 4:5

Umur dan Darjah Persekolahan Kanak-Kanak : Menurut Jantina (%)

Umur/Darjah	Lelaki	Perempuan
9 tahun/Darjah 3	46	31
10 tahun/Darjah 4	54	69
Jumlah	100	100

Dari jadual 4:5 didapati responden kanak-kanak perempuan adalah lebih tua dari segi umurnya dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki. Kesemua kanak-kanak tersebut adalah datangnya dari jenis persekolahan kebangsaan (National Type Schools).

Faktor besar-kecilnya saiz keluarga adalah perlu di-perhitungkan kerana ianya adalah dianggap mungkin berkait dengan sikap dan kadar pengawalan serta perhatian ibubapa terhadap anak-anak mereka.

Jadual 4:6

Saiz Keluarga : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Saiz Keluarga	Keluarga K. Lelaki	Keluarga K. Perempuan
Bilangan Purata Anak-Anak	4.5	6.6

Sebagai perbandingan terlihat daripada jadual 4:6 bahawa saiz keluarga kanak-kanak perempuan adalah lebih besar dari saiz keluarga kanak-kanak lelaki.

Kesemua keluarga-keluarga yang ditemui ada memiliki televisyen sendiri. Faktor pemilikan televisyen ini perlu dilihat kerana ia mungkin mempunyai kaitan dengan jumlah masa dan corak tingkahlaku tontonan penonton terhadapnya.

Lama masa pemilikan televisyen dalam satu-satu keluarga perlu diketahui juga kerana ianya mungkin boleh mempengaruhi jumlah masa pendedahan mereka kepada media tersebut. Selalunya sesuatu benda yang baharu sahaja hadir di rumah akan secara spontan mendapat sambutan dan kadar apresiasi yang tinggi dibandingkan dengan sesuatu yang telah lama dimiliki.

Dari jadual 4:7 adalah didapati bahawa pemilikan televisyen bagi kesemua responden rata-ratanya telah agak lama juga. Bermakna di sini bahawa kehadiran televisyen di dalam hidup mereka bukanlah merupakan satu yang baharu lagi.

Jadual 4:7

Umur Tv Yang Dimiliki : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Menurut Jantina (%)

Umur Tv Yang Dimiliki	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
1 - 4 tahun	15	0
5 - 8 tahun	46	85
9 - 12 tahun	31	15
13 - 16 tahun	8	0
Jumlah	100	100

DESKRIPSI TINGKAHLAKU TONTONAN TV BAGI IBU DAN KANAK-KANAK

JUMLAH MASA SEMINGGU YANG DIGUNAKAN MENONTON TV

Penulis juga ingin melihat sekiranya wujud perhubungan Liebert (1973, hal. 15) ada mengatakan bahawa, " It has been estimated that a child born today will, by the age of 18, have spent more time watching television than any other single activity but sleep." Jadual 4:8 menunjukkan jumlah masa yang

dihabiskan oleh kanak-kanak dalam seminggu menonton televisyen.

Jumlah jam dalam seminggu yang digunakan kanak-kanak menonton televisyen ialah antara 7 - 14 jam rata-ratanya. Tetapi secara perbandingan antara jantina terlihat dari jadual 4:8 bahawa kecenderungan bagi pihak kanak-kanak lelaki menonton pada jumlah jam yang lebih banyak dari kanak-kanak perempuan adalah lebih ketara.

Penulis juga mendapati Himmelsweit (1962, hal. 19) yang menyatakan bahawa, "A positive correlation between parental and child

Jadual 4:8

Jumlah Jam/Seminggu Menonton Tv Bagi Kanak-Kanak :

Menurut Jantina (%)

Jam/Seminggu	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
7 dan kebawah	15	8
8 - 14	23	62
15 - 21	46	22
22 - 28	8	8
29 - 35	8	0
Jumlah	100	100

Penulis juga ingin melihat sekiranya ujud perhubungan antara jumlah masa pendedahan kepada televisyen oleh kanak-kanak dan jumlah masa yang digunakan untuk hal yang sama oleh ibu masing-masing.

Dari jadual 4:9 terlihat bahawa para ibu kanak-kanak lelaki menonton televisyen lebih banyak daripada ibu-ibu kanak-kanak perempuan.

Di sini jelas kita lihat bahawa ujud pertalian yang positif antara masa pendedahan kepada televisyen antara para ibu dan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian maka data ini adalah menyokong pendapat Himmelweit (1962, hal. 19) yang menyatakan bahawa, "A positive correlation between parental and child

viewing pattern is known to exist so the possibility of parental influence must be taken into account."

lelaki kepada televisyen adalah lebih tinggi daripada para ibu kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:9

Jumlah Masa/Seminggu Menonton Tv Bagi Ibu-Ibu: Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Jam/Seminggu	Kanak Lelaki	Kanak Perempuan
7 dan kebawah	31	46
8 - 14	46	23
15 - 21	0	23
22 - 28	0	8
29 - 35	15	0
36 dan ke atas	8	0
Jumlah	100	100

Salah satu faktor yang boleh menerangkan hal ini ialah saiz famili. Adalah didapati dari rajah 4:6, saiz keluarga bagi kanak-kanak lelaki adalah lebih kecil dari keluarga kanak-kanak perempuan. Adalah berkemungkinan bagi para ibu keluarga kanak-kanak lelaki mempunyai masa rehat yang lebih dari ibu-ibu kanak-kanak perempuan. Oleh yang demikian para ibu kanak-kanak lelaki adalah mempunyai lebih banyak peluang menonton televisyen daripada para ibu kanak-kanak perempuan. Begitu juga dari segi umur kita lihat (jadual 4:1) bahawa ibu kanak-kanak lelaki adalah

lebih muda dari ibu kanak-kanak perempuan. Faktur umur ini juga boleh menerangkan mengapa masa pendedahan para ibu kanak-kanak lelaki kepada televisyen adalah lebih tinggi daripada para ibu kanak-kanak perempuan.

Walau bagaimanapun dari keputusan di atas jelas terlihat kepada kita bahawa tindak tanduk ibubapa itu sendiri tetap mempengaruhi tingkahlaku anak-anak mereka terhadap satu-satu hal yang sama-sama diberi perhatian. Dan hal mengenai masa pendedahan kepada televisyen ini adalah tidak terkecuali dari pengaruh saling tindakan antara para ibu dan anak mereka masing-masing.

3 PROGRAM TV YANG DIMINATI IBU-IBU & KANAK-KANAK

Kesan saling pengaruh mempengaruhi antara para ibu dan anak-anak mereka ingin juga dicari oleh penulis berkait dengan hal pemilihan program-program televisyen yang diminati masing-masing. Tiap-tiap responden telah diminta penulis mencatatkan 3 program televisyen yang mereka minati menurut keutamaannya.

Setelah itu, tiap-tiap satu program/siri yang dicatatkan itu telah diberi "ranking" oleh penulis mengikut susunan keutamaannya. Sekiranya satu program/siri itu dicatatkan kepada tingkat yang pertama maka penulis akan memberi 3 markah; seterusnya 2 markah pada program yang menjadi kegemaran kedua para responden dan 1 markah bagi program/siri yang diletakkan pada tempat ketiga.

Faedah-faedah menggunakan metode "ranking" ini ialah ianya membolehkan kita dengan jelas membuat perbandingan antara

3 Program/Siri TV Yang Diminati Kanak-Kanak

Jantina Kanak-Kanak	Total & Av. Ranking	Program/Siri Televisyen													
		Chips	Man From Atlantis	Six Million Dollar Man	Tayangan Gambar Melayu	Kartun	Charlie's Angels	Drama Minggu Ini	Sendarana	Bionic Woman	Peyton Place	Fantasy Island	Peristiwa	Rencana	
Kanak-Kanak	Total Ranking	15	17	16	10	11	1	1	0	1	1	0	3	2	
Lelaki (n=13)	Av. Ranking	1.15	1.31	1.23	0.77	0.85	0.08	0.08	0	0.08	0.08	0	0.25	0.15	
Kanak-Kanak	Total Ranking	9	12	3	18	8	10	7	7	3	0	1	0	0	
Perempuan (n=13)	Av. Ranking	0.69	0.92	0.23	1.38	0.62	0.77	0.54	0.54	0.23	0	0.08	0	0	

3 Program/Siri TV Yang Diminati Ibu-Ibu

Responden Ibu	Total & Av. Ranking	Program/Siri Televisyen	Total Ranking	Av. Ranking
(n=26)		Tayangan Gambar Hindi	2	0.08
		Tayangan Gambar Melayu	31	1.19
		Sendarama	15	0.58
		Berita	9	0.35
		Hawaii 5-0	6	0.23
		Kesuma	9	0.35
		Peristiwa	10	0.38
		Six Million Dollar Man	8	0.31
		Man From Atlantis	9	0.35
		Wrestling	7	0.27
		Peyton Place	6	0.23
		Combat	5	0.19
		Police Story	3	0.12
		Panduan Ibadat	4	0.15
		Baretta	6	0.23
		Charlies' Angels	3	0.12
		Chips	3	0.12
		Bowanza	3	0.12
		Bintang RTM	2	0.08
		Derama Minggu Ini	15	0.58

responden-responden berkait dengan program-program yang mereka minati. Di samping itu juga perbandingan ke atas kepopularitian antara satu-satu program/siri dengan yang lain dapat dilihat dengan lebih jelas lagi.

Dari jadual 4:10 ini terlihat bahawa tiga program/siri televisyen yang paling diminati oleh kanak-kanak adalah seperti berikut:

Kanak-kanak lelaki : Man From Atlantis, Six Million Dollar Man dan Chips.

Kanak-kanak perempuan : Tayangan Gambar Melayu, Man From Atlantis, Charlie's Angels. (RST, Sept. 24, 1979).

Bentuk atau corak program-program yang menjadi kegemaran kanak-kanak nampaknya adalah dilandaskan kepada beberapa ciri tertentu umpamanya ciri-ciri "action oriented", pengembaraan dan fantasi dan tidak ketinggalan juga elemen-elemen kepolisian dan mata-mata gelap. Rata-ratanya program-program/siri yang diminati kanak-kanak adalah bukan merupakan rancangan-rancangan tempatan. Juga rancangan-rancangan tersebut bukanlah ditujukan khas untuk kanak-kanak sebaliknya rancangan-rancangan begini adalah menjadi kegemaran orang-orang dewasa. Hal ini adalah serupa dengan apa yang didapati oleh Mark Abrahms (1956) dan Himmelweit et.al. (1958) dalam kajian-kajian mereka.

Dilihat pada jadual 4:11 pula kita akan dapati betapa berbezanya antara pilihan 3 program/siri yang paling diminati oleh kanak-kanak dibandingkan dengan program-program yang menjadi kegemaran ibubapa.

Kebanyakan daripada responden ibu memilih 3 rancangan-rancangan berikut sebagai kegemaran mereka:

- i. Tayangan gambar Melayu
- ii. Drama Minggu Ini & Sendarama
- iii. Peristiwa

Menurut daripada laporan yang diberi, mereka, sebenarnya tidak pernah atau jarang sangat ketinggalan menonton program-program tersebut pada setiap kali rancangan itu keudara.

Kepopularitian program-program ini di kalangan para ibu adalah konsisten dengan penemuan-penemuan dari "survey" yang dijalankan oleh RTM & Survey Reserch Malaysia (SRM). (NST, Sept. 24, 1979).

Secara perbandingan didapati pemilihan program-program kegemaran para ibu adalah berlainan dengan program-program yang disukai kanak-kanak. Program-program yang paling diminati para ibu adalah lebih merupakan program-program tempatan. Ada tiga kemungkinan yang boleh menerangkan mengapa perbezaan ini wujud antara penonton kanak-kanak dengan ibu mereka masing-masing.

Pertama, kebanyakan dari para ibu adalah berlatar-belakangkan pelajaran Melayu. Di sini masalah bahasa dan pemahaman boleh jadi merupakan penghalang bagi para ibu ini memberikan perhatian mereka kepada program-program yang berbahasa asing. Walaupun bagi pihak kanak-kanak juga mereka juga menghadapi masalah bahasa untuk memahami filem-filem yang demikian, namun kerana rata-ratanya kandungan filem-filem tersebut adalah bercorak "action-oriented" maka sudah tentulah hal ini dapat menarik perhatian mereka kepada siri-siri seumpama itu.

Kedua, persembahan-persembahan tempatan adalah lebih berwarnakan corak-corak tempatan dan tanahair sendiri. Hal ini juga memungkinkan menarik minat para ibu kepada program-program tersebut yang sering menggambarkan kejadian-kejadian dan persembahan yang lebih "dekat" dengan alam mereka sendiri.

Ketiganya faktor umur juga boleh mempengaruhi minat seseorang terhadap siri-siri yang disiarkan menerusi televisyen. Kebanyakan dari siri-siri fiction (cereka) yang diimport dari luar adalah banyak mengandungi unsur-unsur "action oriented" yang mana tidak begitu kuat mendapat perhatian para ibu yang sudah agak berumur itu. Lainlah halnya dengan kanak-kanak yang selalunya aktif dan masih cergas menginginkan siri-siri sedemikian untuk memenuhi selera mereka.

Kegemaran kepada siri-siri tertentu bagi pihak kanak-kanak antara jantina yang berbeza boleh dikaitkan dengan konsep-konsep "identification" dan "television sex-role stereotyping".

Siri bercorak kepolisian seperti "Chips" memang mendapat tempat di kalangan kanak-kanak baik lelaki maupun perempuan (bagi kanak-kanak perempuan siri ini jatuh ke tempat keempat). Tercetusnya minat kepada siri-siri begini, disamping kerana ianya bercorak "action-oriented", mungkin juga didorongkan oleh unsur-unsur identifikasi kanak-kanak tersebut dengan tugas dan pekerjaan bapa-bapa mereka. Kanak-kanak selalunya suka mengidentifikasikan dengan ibubapa mereka. Pendedahan mereka yang rapat dengan anggota-anggota polis dan mendiami satu enviromen polis juga boleh menguatkan lagi identifikasi anak-anak kepada

tugas-tugas ke polisian dan seterusnya mencetuskan minat mereka kepada siri-siri televisyen bercorak sedemikian.

Kadar kegemaran yang berbeza antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan kepada siri CHIPS ini boleh dikaitkan pula dengan unsur-unsur sex differences. Adalah didapati dari kajian yang lepas (contoh, Belotti, 1975) kanak-kanak yang berlainan jantina adalah lebih cenderung menidentifikasikan diri mereka kepada mereka-mereka yang sesama jenis dengan diri sendiri. Oleh itu mungkin dapat dikatakan di sini bahawa kadar identifikasi anak-anak lelaki kepada si bapa (kerana sama jenis) adalah lebih tinggi daripada kanak-kanak perempuan. Sekiranya unsur identifikasi kepada peranan bapa ini kita hendak hubungan dengan kadar minat kepada siri kepolisian seperti "CHIPS" tadinya, maka adalah wajar dilihat bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih meminati siri itu (meletakkannya pada kedudukan ketiga) dari kanak-kanak perempuan (yang meletakkan siri itu pada kedudukan keempat).

Dilihat pula kepada siri "CHARLIE'S ANGELS" kita dapati cuma seorang sahaja kanak-kanak lelaki yang meminatinya, walhal bagi kanak-kanak perempuan siri ini adalah ditempatkan ke kedudukan ketiga dalam senarai siri-siri keutamaan mereka. Hal ini juga boleh diterangkan memakai unsur identifikasi dan "sex-role stereotyping" oleh televisyen. Dari kebanyakan siri televisyen yang disiarkan selalunya peranan utama dipegang oleh pelakon lelaki (lihat Liebert, 1973), kecuali siri yang agak terbaharu seperti Charlie's Angels, Bionic Woman & Policewomen di mana peranan utama diberikan kepada kaum wanita. Ini membuatkan persepsi kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak lelaki,

menganggap bahawa kaum lelaki sahaja yang layak memegang peranan utama dan tidak perempuan. Hal ini juga mungkin boleh menerangkan mengapa tidak ramai kanak-kanak lelaki yang menyatakan minat mereka kepada siri "Charlie's Angels."

Mungkin juga kanak-kanak ini, yakni kanak-kanak lelaki ini gemar kepada siri tersebut tetapi enggan mengatakan minatnya apabila ditanya. Seperti yang kita ketahui kanak-kanak pada peringkat umur yang sebegini amat mementingkan 'ego' kaum sejenisnya. Dengan itu mereka merasa enggan ataupun segan menerima pelakon utama dalam siri-siri televisyen itu dipegang oleh kaum yang bukan sejenis dengan mereka. Menggemari siri tersebut mungkin akan menjadi bahan ketawa oleh rakan-rakan sebaya mereka sahaja kerana mungkin perbuatannya itu dianggap oleh "peer group"nya sebagai kelemahan pada sifat-sifat kelakian mereka.

Sebagai kesimpulannya kanak-kanak adalah lebih cenderung meminati siri-siri yang bercorak "action-oriented", yang banyak mengandungi unsur-unsur imaginasi dan fantasi (Six Million Dollar Man & Man From Atlantis) mungkin guna untuk memperkayakan corak permainan dengan kawan-kawan nantinya. Liebert (1973, hal. 236) ada mengatakan bahawa, "Television provides both an exciting viewing situation and interesting elaborate content which can later be incorporated into make-believe play." Sebaliknya bagi pihak si ibu mereka lebih cenderung menggemari filem-filem bercorak tempatan dan yang tidak begitu berlandaskan unsur "action-oriented".

PROGRAM TV IBU DAN KANAK-KANAK

Rata-ratanya (77% daripada para ibu dari kanak-kanak tersebut) mengakui bahawa program-program yang ditonton mereka ditonton bersama oleh anak-anak mereka. Hal ini adalah bersamaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Himmewit et. al. (1958). Mark Abrahms (1956) dan Schramm (1960) di mana dalam kajian-kajian mereka juga didapati kanak-kanak selalu menonton program-program orang dewasa.

Dalam banyak-banyak program yang ada sudah pasti ujud juga program-program yang tidak disukai oleh penonton kanak-kanak. Kanak-kanak telah diminta mencatatkan satu program yang paling mereka tidak gemari sekali.

Dilihat dari jadual 4:12 akan didapati bahawa jenis program-program yang tidak digemari tidak berbeza antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan.

Kebanyakan daripada program-program yang tidak menarik minat penonton kanak-kanak ialah program-program yang bercorak naratif, tidak banyak membawa unsur-unsur "action" dan yang bukan berunsur cerita. Hal ini adalah bersamaan dengan kajian Mark Abrahms (1956) yang menunjukkan bahawa minat kanak-kanak terhadap program-program televisyen bercorak naratif dan diskusi adalah rendah sekali.

KADAR APREASIASI KANAK-KANAK KEPADA PROGRAM-PROGRAM BERITA, PERISTIWA DAN FILEM RENCANA

Bersabit dengan hubungan kanak-kanak kepada televisyen,

Satu Program Yang Tidak Disukai: Menurut Jantina Kanak-Kanak

Program-Program Jantina Responden Kanak-kanak	Little House On The Prairie	Hiburan	Film Tamil	Dewan Parlimen	Kesuma	Peyton Place	Midnight Movie	Peristiwa	Film Rencana	Berita	Tiada	Jumlah
Kanak-Kanak Lelaki (n=13)	0	1	0	0	1	0	1	0	5	4	1	13
Kanak-Kanak Perempuan (n=13)	1	0	1	1	0	2	1	3	3	1	0	13

penulis juga ingin melihat bagaimanakah kadar kecenderungan minat kanak-kanak terhadap program-program berbentuk naratif, tetapi berlainan corak persembahan masing-masing. Perbandingan antara 3 program di atas dibuat dengan metode "ranking" juga. Yang berbeza sedikit di sini ialah ranking yang dibuat adalah berdasarkan kekerapan penonton menonton program-program tersebut. Bagi yang selalu menonton diberi 4 markah, jarang-jarang-3 markah, jarang sangat - 2 markah dan yang tidak pernah menonton - 1 markah.

Program "Peristiwa" mendapat tempat yang lebih tinggi dari "Berita" walaupun kedua-duanya adalah dalam Bahasa Malaysia. Ini mungkin disebabkan oleh corak persembahan yang berbeza. Persembahan program Berita adalah agak 'beku' sifatnya, walhal Peristiwa pula lebih banyak mengandungi "movements" dan lebih berbentuk penceritaan (story telling type). Unsur-unsur begini lebih mudah menarik perhatian kanak-kanak kepada program-program tersebut. (lihat jadual 4:13).

"Filem Rencana" pula walaupun setanding dengan program "Peristiwa" dari segi persembahannya tetapi mungkin kerana masalah bahasa maka ianya tidak sangat mendapat tempat di kalangan kanak-kanak. Filem-filem rencana adalah kebanyakannya di dalam bahasa Inggeris dan jarang disertai dengan sarikata-sarikata apabila ditayangkan.

Jadual 4:13

Perbandingan Program-Program Berita Peristiwa Dan Filem Rencana Di Kalangan Kanak-Kanak : Menurut Jantina Kanak-Kanak

Jantina	Total & Av. Ranking	Program-Program		
		Berita	Peristiwa	Filem Rencana
Kanak-Kanak Lelaki (n=13)	Total Ranking Average Ranking	39 3.0	42 3.2	27 2.1
Kanak-Kanak Perempuan (n=13)	Total Ranking Average Ranking	38 2.9	37 2.9	28 2.2

REAKSI KANAK-KANAK TERHADAP TELEVISYEN

Ada tiga cara bagaimana kanak-kanak dapat memahami cerita-cerita di televisyen selain daripada filem-filem Melayu. Dari jadual 4:14 didapati 100% daripada kanak-kanak lelaki yang menggunakan sarikata. Cuma separuh sahaja dari responden lelaki perempuan yang menyatakan berbuat demikian. Separuh laginya cuba memahaminya dengan bertanya kepada orang lain semasa menonton atau melihat "action"nya sahaja dan memikirkan sendiri jalan ceritanya. Dan ini tidak disukai mereka.

Jadual 4:14

Cara-Cara Memahami Siri-Siri Luar Di Tv :

Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Cara-Cara Memahami Siri-Siri Tv	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Membaca Sarikata	100	54
Bertanya Kepada Orang Lain	0	15
Melihat Actionnya Sahaja	0	23
Jumlah	100	100

Mungkin kerana hal pemahaman inilah maka dilihat bahawa program "Tayangan Gambar Melayu" mendapat tempat yang paling tinggi di kalangan kanak-kanak perempuan (lihat rajah 4:10) walhal program yang menduduki tempat pertama bagi kanak-kanak lelaki banyak memotong tayangan rumah dari kanak-kanak lelaki, ini ialah filem Inggeris, "Man From Atlantis".

Pada realitinya adalah berkemungkinan kanak-kanak lelaki juga bergantung kepada orang lain sewaktu menonton untuk memahami cerita yang dilihatnya. Tetapi tidak terdapat seorang pun yang mengaku berbuat demikian. Mungkin kanak-kanak lelaki radio adalah menjadi kurang benar bagi kanak-kanak, baik lelaki adalah lebih kuat mementingkan egonya kerana dengan mengatakan maupun perempuan. Himmelweit (1958) dan Mark Abraham (1956) yang mereka bergantung kepada orang lain (walaupun kerana ingin dalam kajian-kajian mereka telah menemui hal yang sama. Ini memahami apa yang dilihat di Tv), akan memperlihatkan kelemahan menunjukkan bahawa kehadiran Tv yang bercorak "audio-visual" diri sendiri. Dan ini tidak disukai mereka.

TV : KESAN KE ATAS MASA LAPANG KANAK-KANAK

Kehadiran televisyen dalam kehidupan kanak-kanak telah banyak mendatangkan kesan ke atas kegiatan-kegiatan masa lapang mereka.

Responden telah diberi lima pilihan kegiatan-kegiatan yang selalu dibuat pada masa-masa lapang mereka. Mereka disuruh penulis menyusunkan kegiatan-kegiatan tersebut mengikut keutamaannya. Kegiatan-kegiatan yang diletakkan pada kedudukan pertama diberi 5 markah, kedudukan kedua 4 markah dan seterusnya. Metode ranking digunakan lagi di sini guna membandingkan kegiatan-kegiatan masa lapang kanak-kanak di samping kegiatan menonton televisyen.

Kegiatan masa lapang kanak-kanak adalah berbeza antara jantina. Kanak-kanak perempuan lebih banyak menghabiskan masa lapang di rumah menolong kerja ibu. Kegiatan keluar bermain dengan kawan cuma jatuh di tempat keempat bagi mereka berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Kerana kanak-kanak perempuan lebih banyak menolong kerja-kerja rumah dari kanak-kanak lelaki, ini mungkin boleh menerangkan mengapa pendedahan mereka kepada televisyen adalah lebih kecil dari masa pendedahan kanak-kanak lelaki (jadual 4:9).

Satu hal yang nyata dari jadual 4:15 ialah penggunaan radio adalah menjadi kurang benar bagi kanak-kanak, baik lelaki maupun perempuan. Himmelweit (1958) dan Mark Abrahms (1956) dalam kajian-kajian mereka telah menemui hal yang sama. Ini menunjukkan bahawa kehadiran Tv yang bercorak "audio-visual" telah dapat menggantikan kedudukan radio dalam diri kanak-kanak.

Jadual 4:15

Kegiatan Masa Lapang Kanak-Kanak : Menurut Jantina

Jantina	Total & Av. Ranking	Kegiatan-Kegiatan				
		Mendengar Radio	Baca Buku Cerita/ Komik	Menonton Televisyen	Menemui Kawan & Bermain	Menolong Kerja Ibubapa
Kanak-Kanak Lelaki (n=13)	Total Ranking	28	49	43	40	35
	Av. Ranking	2.2	3.8	3.3	3.1	2.7
Kanak-Kanak Perempuan (n=13)	Total Ranking	29	45	39	32	46
	Av. Ranking	2.2	3.5	3.0	2.5	3.5

Namun begitu kedudukan televisyen dalam masa lapang

kanak-kanak tidak banyak berbeza dan mendapat tempat yang tinggi juga pada masa-masa begini.

KEKERAPAN MENONTON TAYANGAN LARUT MALAM

Nampaknya sambutan para ibu terhadap tayangan larut malam tidaklah besar. Begitu juga kebenaran bagi anak-anak mereka menonton program ini tidak digalakkan langsung.

Tidak ramai ibu yang sanggup menunggu sampai ke tengah malam untuk menonton tayangan tersebut. Tambahan lagi filem-filem bagi program tersebut adalah rata-ratanya filem Inggeris. Sekiranya Tayangan Larut Malam itu lebih mengandungi filem-filem

Melayu satu kemungkinan yang sambutan ibu terhadap program tersebut mungkin akan berubah kepada satu yang lebih tinggi lagi daripada sambutan sekarang ini.

Jadual 4:16

Kebiasaan Menonton Tayangan Larut Malam Bagi Ibu :

Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Kekerapan Menonton T.L.M.	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Selalu	8	0
Jarang-Jarang	15	15
Jarang Sangat	8	47
Tidak Pernah	69	38
Jumlah	100	100

KEKERAPAN MEMBENARKAN ANAK MENONTON 'TAYANGAN LARUT MALAM'

Seramai 85% dari ibu kanak-kanak lelaki dan 100% ibu kanak-kanak perempuan yang mengatakan bahawa mereka tidak pernah membenarkan anak-anak mereka menonton tayangan tersebut. Walaupun 15% sahaja dari ibu kanak-kanak yang membenarkan anak-anak lelaki mereka, para ibu tersebut dengan segera spontan mengaitkannya dengan pelajaran-pelajaran bercorak akademik. Para ibu tersebut adalah lebih permisif dibandingkan dengan sikap ibu kanak-kanak perempuan berkait dengan hal pendedahan anak-anak mereka kepada televisyen.

Sebagai kesimpulan rata-ratanya Tayangan Larut Malam

tidaklah mendapat sambutan yang tinggi di kalangan para ibu. Dan juga bagi kanak-kanak mereka tidak pernah dibenarkan menonton tayangan tersebut mungkin kerana sebab-sebab kesihatan dan sebagainya.

PELAJARAN DAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK BERKAIT DENGAN TELEVISYEN

Responden ibu juga telah ditanya samada televisyen dapat menambahkan pelajaran anak-anak, jumlah pelajaran dan apakah jenis atau corak pelajaran tersebut yang difikirkan dapat disalurkan oleh televisyen kepada anak-anak mereka. Bagi pihak kanak-kanak pula penulis melihat hal ini dari aspek tanggapan kanak-kanak itu sendiri terhadap apa yang mereka dapat dari televisyen ke atas kadar pembelajaran mereka di sekolah.

Kesemua 100% dari para ibu dari dua golongan kanak-kanak itu mengakui bahawa televisyen dengan program-program yang ada sekarang memang boleh menambahkan pelajaran dan pengetahuan anak-anak. Tetapi mereka merasakan bahawa jumlah pelajaran yang mampu dibawa oleh televisyen kepada kanak-kanak adalah rata-ratanya sedikit dan sederhana sahaja.

Namun apabila disentuh tentang corak atau jenis pelajaran yang dianggap dapat diberikan oleh televisyen kepada anak-anak mereka, para ibu tersebut dengan secara spontan mengaitkannya dengan pelajaran-pelajaran bercorak akademik.

Ramai daripada para ibu yang menganggap bahawa program-program, seperti Filem Rencana, Panduan Ibadat, Peristiwa dan Kuiz boleh menyampaikan pelajaran-pelajaran yang berguna bagi

anak-anak mereka.

Bagi pihak kanak-kanak, ada dua perkara yang disentuh berkaitan dengan hal pembelajaran yang didapati mereka dari televisyen. Pertama adakah mereka merasakan diri lebih pandai kerana menonton televisyen selalu dan keduanya, adakah daya kreativiti mereka dalam menulis cerita bertambah akibat perdampingan yang erat dengan peti televisyen.

Jadual 4:17 a

Perasaan Lebih Pandai Kerana Televisyen : Menurut Jantina (%)

Perasaan Lebih Pandai	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Ya	31	31
Tidak	69	69
Jumlah	100	100

Tidak ujud perbezaan langsung antara responden lelaki dan perempuan mengenai hal ini. Sejumlah besar dari mereka tidak merasakan diri mereka menjadi lebih pandai kerana menonton televisyen selalu.

Walaupun mereka tidak merasakan diri mereka lebih pandai kerana menonton televisyen selalu, namun dari segi daya kreativiti kanak-kanak seperti membuat karangan atau menulis cerita di sekolah-sekolah, sejumlah besar dari kanak-kanak ini mengakui yang ianya lebih senang dibuat kerana kekerapan mereka menonton siri-siri

televisyen. Sebanyak 78% kanak-kanak lelaki dan 78% kanak-kanak perempuan mengakui hal ini.

Kreativiti kanak-kanak juga adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti bakat yang ada dan juga unsur-unsur persekitarannya yang lain yang sama-sama berinteraksi memperkembangkan imaginasi dan dayacipta kanak-kanak itu. Namun di sini dapat dilihat bahawa televisyen juga mungkin boleh memainkan peranan dalam mengembangkan daya imaginasi dan fantasi kanak-kanak sehingga dapat memudahkan kegiatan-kegiatan membuat karangan di sekolah-sekolah. Ini secara langsung atau tidak boleh mengembangkan daya kreativiti kanak-kanak dalam bidang penulisan diperingkat sekolah.

TELEVISYEN : DISIPLIN DAN PENGAWALAN KE ATAS KANAK-KANAK

Memandangkan bahawa peranan para ibubapa berkait dengan televisyen dan pendedahan anak-anak kepadanya adalah penting maka dalam bahagian ini penulis akan melihat apakah corak disiplin dan pengawalan para ibu terhadap anak-anak mereka berkait dengan pendedahan kepada media tersebut. Juga akan dilihat samada wujudkah unsur-unsur berbeza jantina antara kanak-kanak bersabit dengan amalan disiplin para ibu ini ke atas diri masing-masing.

Kecenderungan kanak-kanak lelaki keluar dari rumah tanpa meminta kebenaran dari ibu mereka adalah lebih tinggi dari kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:17 b

Kekerapan Minta Kebenaran Untuk Keluar Rumah : Menurut Jantina

Jantina (%)

Kekerapan Meminta Kebenaran	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Selalu	46	54
Jarang-Jarang	38	46
Jarang Sangat	0	0
Tidak Pernah	16	0
Jumlah	100	100

Dua hal boleh menerangkan perbezaan ini. Pertamanya mungkin kanak-kanak lelaki adalah lebih susah dikawal oleh ibu dan keduanya mungkin para ibu tidak begitu sangat menaruh perasaan bimbang bila kanak-kanak lelaki mereka keluar daripada rumah dibandingkan dengan ibu kanak-kanak perempuan.

Rata-ratanya para ibu menyatakan bahawa mereka dapat mengawal anak-anak mereka dari menonton televisyen di tempat lain. Ini adalah kerana tiap-tiap keluarga memiliki peti televisyennya yang tersendiri.

Terlihat daripada jadual 4:18 bahawa ibu kanak-kanak lelaki lebih menitikberatkan soal menjadualkan masa tontonan mereka dibandingkan dengan para ibu kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:18

Penetapan Jadual Tontonan Oleh Ibu :

Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Jadual Untuk Anak-Anak	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Ya	77	46
Tidak	23	54
Jumlah	100	100

Satu kesimpulan yang dapat dibuat dari sini ialah kemungkinan kerana kanak-kanak lelaki adalah agak susah dikawal dengan tegur-perintah sahaja maka satu jadual tontonan perlu diadakan oleh para ibu tersebut. Sebaliknya mungkin kerana kanak-kanak perempuan adalah lebih akur kepada tegur-perintah para ibu maka cuma separuh sahaja dari ibu-ibu mereka yang menetapkan jadual tontonan televisyen.

Adalah didapati cuma separuh sahaja dari kanak-kanak lelaki (50%) yang mengikuti jadual yang ditetapkan menurut laporan dari ibu mereka. Sebaliknya bagi pihak kanak-kanak perempuan sebanyak 67% yang mengikutinya. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan adalah lebih patuh kepada arahan ibu dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki berkait dengan pendedahan mereka kepada televisyen.

Tidak	92	46
Jumlah	100	100

Kejadian di mana responden kanak-kanak telah ditahan oleh ibu masing-masing dari menonton televisyen adalah sama sahaja berlaku disebelah pihak kanak-kanak lelaki (54%) dan kanak-kanak perempuan (46%). Kes-kes yang menyebabkan para ibu mengambil tindakan demikian selalunya dilakukan oleh sebab kanak-kanak tersebut degil tidak mahu membuat kerja sekolah dan membaca buku. Selain daripada itu pada musim-musim peperiksaan sekolah, kanak-kanak mereka jarang dibenarkan menonton televisyen.

Selain daripada cara-cara mendenda seperti corporal punishment (seramai 24% dari para ibu kanak-kanak lelaki masih menggunakan cara itu) untuk anak-anak, penulis juga bertanya samada pernahkah mereka menggunakan televisyen sebagai alat pendenda buat anak-anak mereka.

Dari jadual 4:19 dapat dilihat bahawa televisyen sebagai alat pendenda adalah lebih popular digunakan ke atas kanak-kanak perempuan daripada kanak-kanak lelaki. Barangkali ini bererti cara mendenda kanak-kanak dengan menggunakan televisyen oleh para ibu mungkin didapati tidak begitu berkesan digunakan kepada anak-anak lelaki dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:19

Penggunaan Televisyen Sebagai Alat Pendenda Buat Anak-Anak
Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Penggunaan Televisyen Sebagai Alat Pendenda Oleh Ibu	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Ya	8	54
Tidak	92	46
Jumlah	100	100

AMALAN PENJENISAN JANTINA (SEX TYPING) DAN PROGRAM-PROGRAM
TELEVISYEN

Mengenai amalan penjenisan jantina ini Maccoby & Jacklin (1974, hal. 366) mengatakan bahawa, "Parents based their behaviour toward a child on their conception of what a child of a given sex is likely to be liked."

Oleh kerana persepsi ini masih lagi banyak dipegang dan diamalkan oleh para ibu maka sudah tentulah sebarang unsur yang dianggap boleh mendatangkan pengaruh ke atas pembentukan peribadi kanak-kanak menurut jantina akan diberi perhatian oleh mereka. Dan hal ini adalah tidak terkecuali bagi televisyen yang merupakan unsur yang banyak juga mempengaruhi pembentukan peribadi kanak-kanak.

Responden ibu ditanya juga samada perlukah kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan diasing-asingkan pendedahan mereka kepada siri/program yang berbeza pula.

Dari jadual 4:20 didapati bahawa lebih ramai daripada ibu kanak-kanak perempuan yang merasakan perlunya anak-anak berlainan jantina didedahkan kepada program-program yang berbeza di antara satu pihak dengan yang lain.

Hasrat untuk mengamalkan "sex typing" oleh para ibu jelas kelihatan apabila rata-ratanya menyatakan bahawa pengasingan adalah penting supaya kanak-kanak perempuan harus mendedahkan diri mereka kepada program-program yang dianggap boleh membentuk peribadi "kewanitaan" mereka dengan lebih baik. Kanak-kanak

perempuan tidak digalakkan menonton siri-siri yang terlalu berunsurkan keganasan, "sensous" dan peperangan. Sebaliknya bagi para ibu kanak-kanak lelaki pula hal-hal ini tidak sangat diperhitungkan oleh mereka. Bererti di sini bahawa ibu kanak-kanak lelaki adalah lebih "pemisif" membiarkan anak-anak mereka menonton filem-filem bercorak keganasan dibandingkan dengan ibu kanak-kanak perempuan. Walaupun hal ini tidak dilaporkan dengan nyata oleh ibu kanak-kanak lelaki tersebut tetapi bolehlah diandaikan di sini bahawa pendedahan kanak-kanak lelaki kepada filem-filem bercorak agresif tidaklah menjadi satu soal yang besar bagi mereka dibandingkan dengan ibu kanak-kanak perempuan. Kajian yang dibuat oleh Singer & Singer (1976) mendapati bahawa para ibubapa tidak sangat memperhitungkan hal pendedahan kanak-kanak lelaki kepada siri-siri bercorak keganasan kerana pada fikiran mereka hal ini adalah wajar bagi pembentukan peribadi "kelakian" anak-anak mereka.

Jadual 4:20

Perlunya Pengasingan Jantina Kanak-Kanak & Televisyen : Menurut

Jantina Kanak-Kanak (%)

Perlunya Pengasingan Jantina Kanak-Kanak & Televisyen : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Perlu	31	54
Tidak Perlu	69	46
Jumlah	100	100

Idealnya para ibu merasakan perlu pengasingan kanak-kanak berlainan jantina didedahkan kepada corak program yang berbeza-beza. Namun pada praktiknya tidak ramai (38% dari ibu kanak-kanak lelaki dan 31% dari ibu kanak-kanak perempuan) yang memilih program-program tertentu yang dianggap sesuai ditonton oleh anak-anak mereka.

Sebagai kesimpulannya didapati bahawa ibu kanak-kanak perempuan adalah lebih tinggi menyatakan akan perlunya anak-anak diasingkan pendedahan mereka kepada program-program di televisyen. Walaupun secara idealnya ibu dari kedua-dua pihak kanak-kanak berhasrat untuk berbuat demikian namun secara praktiknya tidak ramai para ibu yang mampu memilih program-program tertentu bagi anak-anak mereka.

REAKSI PARA IBU DAN KANAK-KANAK KEPADA BABAK-BABAK ROMANTIK DI TELEVISYEN

Di sini penulis menyelami perasaan para ibu dan juga kanak-kanak berkait dengan pendedahan mereka kepada babak-babak romantik dan "sensous" di televisyen.

Dari jadual 4:21 terlihat bahawa ujud sedikit perbezaan yang kecil antara kadar perasaan maka-para ibu kanak-kanak perempuan berbanding dengan para ibu kanak-kanak lelaki. Perbezaan ini (walaupun kecil) mungkin dapat diasaskan kepada dua perkara. Pertama, mungkin kerana umur para ibu kanak-kanak lelaki adalah lebih muda maka sikap mereka terhadap babak-babak begini tidaklah menjadi hal sangat. Kedua, mungkin para ibu kanak-kanak perempuan itu mempunyai kanak-kanak yang jantainya adalah "perempuan",

maka sensitiviti dan perasaan mereka terhadap babak-babak dengan sedemikian adalah lebih tinggi berbanding dengan para ibu kanak-kanak lelaki.

Jadual 4:21

Kadar Perasaan Malu Para Ibu : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Perasaan Para Ibu	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Sangat Malu	15	15
Malu	31	46
Tidak Merasa Malu	0	0
Rasa Malu & Tidak Senang	0	8
Rasa Tidak Senang	8	0
Tidak Merasa Apa-Apa	46	31
Jumlah	100	100

Perasaan kanak-kanak terhadap babak-babak tersebut adalah dilihat dalam 2 keadaan.

- (i) secara berseorangan
- (ii) bersama ibubapa

Dari jadual 4:22 adalah didapati bahawa kanak-kanak perempuan adalah lebih sensitif dan lebih tinggi kadar kesegannya kepada babak-babak romatik daripada kanak-kanak lelaki.

Dalam keadaan kedua pula terlihat bahawa kehadiran ibubapa semasa mereka menonton babak-babak tersebut boleh

meninggikan sensitiviti perasaan mereka kalau dibandingkan dengan keadaan di mana kanak-kanak itu menontonnya berseorangan. Di sini bolehlah dibuat satu kesimpulan bahawa kehadiran ibubapa bersama anak-anak mereka semasa menonton televisyen, seolah-olah membawa satu unsur luaran yang boleh mempengaruhi sikap dan pandangan kanak-kanak tersebut kepada satu-satu elemen yang dilihat mereka di televisyen. Hal ini telah ditunjukkan oleh Chafee et. al. (1978) dalam kajian mereka di mana adalah didapati bahawa tanggapan kanak-kanak terhadap satu-satu perkara yang ditonton mereka adalah berbeza-beza bergantung kepada keadaan-keadaan samada kanak-kanak itu menonton berseorangan, dengan kawan-kawan, bersama adik-beradik atau bersama ibubapa mereka.

Jadual 4:22

Perasaan Kanak-Kanak Terhadap Babak Cium Dalam 2

Keadaan Tontonan Yang Berbeza (%)

Keadaan Menonton/ Perasaan Kanak- Kanak	Berseorangan		Bersama Ibubapa	
	Kanak- Kanak Lelaki	Kanak- Kanak Perempuan	Kanak- Kanak Lelaki	Kanak- Kanak Perempuan
Malu	46	61	69	54
Kotor	8	8	8	0
Malu & Kotor	0	0	15	31
Tidak Malu & Kotor	46	31	8	15
Jumlah	100	100	100	100

PANDANGAN DAN SIKAP PARA IBU TERHADAP TINGKAHLAKU KANAK-KANAK
DAN TELEVISYEN

Penulis juga telah menyelidiki samada para ibu itu sedar yang anak-anak mereka banyak meniru dari televisyen. Sekiranya mereka sedar hal ini, bagaimanakah pula agaknya sikap dan reaksi mereka terhadap kanak-kanak tersebut.

Dari pemerhatian mereka hari-hari seramai 85% daripada ibu kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapati bahawa anak-anak mereka banyak meniru unsur-unsur dari televisyen. Yang berbeza, menurut para ibu ini, ialah corak atau unsur peniruan yang dibuat. Ibu kanak-kanak perempuan melapurkan bahawa anak-anak mereka lebih cenderung meniru unsur-unsur nyanyian dan tarian dibandingkan dengan kecenderungan kanak-kanak lelaki yang selalunya (menurut pandangan ibu kanak-kanak lelaki) lebih banyak meniru unsur-unsur lakunan yang bercorak peperangan dan penggunaan senjata-senjata peperangan. Hal ini sebenarnya bolehlah dikaitkan dengan jenis permainan kanak-kanak yang berbeza antara jantina. (lihat Belotti, 1975), dimana kanak-kanak perempuan adalah jarang bermain corak permainan peperangan sekiranya dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki.

Bagi pihak responden kanak-kanak rata-ratanya baik kanak-kanak lelaki (78%) maupun kanak-kanak perempuan (62%) mengakui yang mereka banyak meniru lakunan-lakunan yang ditonton dari televisyen. Mengenai kebiasaan main berlakun ini kanak-kanak tersebut mengakui yang mereka selalu bermain begitu. Tidak ujud perbandingan antara jantina dalam hal ini. Tetapi apabila ditanya

mengenai jenis atau corak permainan berlakun yang dimaksudkan mereka ternyata ujud unsur-unsur perbezaan jantina antara kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak lelaki melaporkan yang mereka lebih suka melakukan permainan-permainan "cop & robbers" atau berperang ala siri "Combat" yang pernah menjadi kegemaran mereka sedikit masa dahulu. Kanak-kanak perempuan pula corak permainan berlakunya adalah lebih ditumpukan kepada yang lebih lembut seperti menyanyi, menari dan "doctor and patient play" dari apa yang dilihat mereka dari televisyen. Hal memperlihatkan "sex typed play" oleh kanak-kanak berlainan jantina ini berkait dengan televisyen adalah konsisten dengan apa yang dilaporkan oleh para ibu masing-masing.

Reaksi ibu terhadap perlakuan anak-anak yang ditiru mereka dari televisyen adalah berbeza-beza antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan. Dari jadual 4:23 didapati reaksi para ibu ke atas perbuatan meniru lakunan adalah lebih positif bagi kanak-kanak perempuan.

Jadual 4:23

Reaksi Ibu Terhadap Perbuatan Meniru Lakunan Televisyen

: Mengikut Jantina Kanak-Kanak (%)

Reaksi Ibu	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Membiarkannya	60	73
Menahannya	10	0
Marah & Menahannya	20	0
Memarahinya	10	27
Jumlah	100	100

Hal ini boleh diterangkan bersabit dengan corak lakunan/mainan (nature of play) yang biasa ditiru dari televisyen oleh kanak-kanak yang berlainan jantina. Kanak-kanak lelaki adalah didapati lebih cenderung melibatkan diri mereka dengan lakunan-lakunan yang kasar sifatnya. Oleh kerana inilah maka para ibu kanak-kanak lelaki didapati tidak begitu senang dengan perilaku kanak-kanak mereka yang meniru lakunan-lakunan dan televisyen dibandingkan dengan reaksi para ibu kanak-kanak perempuan.

"STEREOTYPING" DAN "SEX ROLE STEREOTYPING" DI TELEVISYEN DAN TANGGAPAN KANAK-KANAK

Televisyen banyak memberikan gambaran-gambaran yang stereotaip mengenai watak-watak manusia-manusia dalam alam ini. Corak @ jenis "stereotyping" yang selalunya dibawaikan oleh televisyen adalah berkait dengan unsur-unsur pekerjaan, kumpulan ethnik, jantina dan keganasan. Stereotyping peranan-peranan yang disalurkan menerusi televisyen kadangkala memberi kesan yang mendalam di kalangan penonton, terutamanya kanak-kanak (lihat Liebert, 1973). Kanak-kanak akan menganggap bahawa peranan-peranan tertentu adalah cuma layak dan lazim dipegang oleh orang-orang dan jantina tertentu sahaja seperti yang selalunya dilihat dari televisyen. "Sex role stereotyping" yang sering dibawaikan oleh televisyen juga boleh menguatkan lagi kedudukan perbezaan jantina antara kanak-kanak itu sendiri kerana,

"Without realising it the child involuntarily and unconsciously comes to imitate heroes and heroines carefully chosen to represent society current masculine and feminine ideals." (Dorothy, 1969, p. 269/70).

Dalam bahagian ini penulis akan membicarakan tanggapan kanak-kanak dan reaksi mereka terhadap unsur-unsur stereotyping dan peranan-peranan pelakun yang dilihat mereka menerusi televisyen.

Rata-ratanya kanak-kanak baik lelaki (85%) atau kanak-kanak perempuan (92%) ada meminati salah seorang daripada pelakun-pelakun televisyen yang kerap muncul dalam siri-siri kegemaran mereka.

Walaupun boleh dikatakan keseluruhan kanak-kanak ada mempunyai pelakun televisyen yang digemari mereka namun apabila disentuh mengenai jantina pelakun utama yang digemari mereka sebagai faktor-faktor dalam siri-siri televisyen didapati tidak terdapat seorang pun kanak-kanak lelaki yang menggemari peranan utama dipegang oleh pelakun perempuan. Bagi kanak-kanak perempuan pula ianya tidaklah menjadi hal sangat samada peranan utama dalam siri televisyen itu dipegang oleh pelakun lelaki atau wanita.

Jadual 4:24

Pelakun Utama Televisyen Yang Disukai Kanak-Kanak Menurut

Jantina (%)

Jantina Pelakun Utama Tv	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Pelakun Lelaki	100	46
Pelakun Perempuan	0	54
Jumlah	100	100

Mungkin kerana hal inilah maka didapati cuma seorang sahaja kanak-kanak lelaki yang menyatakan minatnya terhadap siri "Charlie's Angels" (Sila lihat jadual 4:10).

Keutamaan yang diberikan oleh kanak-kanak lelaki kepada kaum sejenisnya untuk memegang peranan utama di televisyen mungkin boleh dikaitkan dengan "sex role stereotyping" yang lebih banyak menunjukkan kaum lelaki memegang peranan-peranan penting; pelakon wanita cuma menjadi sebagai pembantu atau kekasih kepada heronya sahaja. Ataupun kerana mempertahankan ego kelakian mereka, kanak-kanak lelaki ini merasa enggan untuk meletakkan pelakon wanita sebagai memegang peranan utama di televisyen. Faktor-faktor ini mungkin boleh diterima kedua-duanya sekaligus untuk menerangkan hal di atas. Namun harus diingat bahawa identifikasi kanak-kanak lelaki kepada pelakon yang sama jenis dengan mereka adalah benar pada peringkat umur begini tetapi mungkin berubah apabila mereka mencapai peringkat remaja.

Sebanyak empat ⁿadengan kekerasan antara jantina telah dikemukakan kepada kanak-kanak dan disuruh memilih adegan manakah yang mereka sukai sekali.

Dari jadual 4:25 didapati kanak-kanak lelaki samasekali tidak suka melihat ^{adengan}adengan ^{dimana}dimana kaum perempuan menjadi "the attacker group" dalam ^{keganasan dan kekerasan}adengan-adengan keganasan dan kekerasan antara jantina. Sebaliknya mereka lebih senang melihat pelakon perempuan sebagai menjadi mangsa keganasan pelakon lelaki (15% dari kanak-kanak lelaki yang menerima hal ini).

Jadual 4:25

Adegan Kekerasan Antara Jantina Yang Disukai: Menurut
Jantina Kanak-Kanak (%)

Corak Adengan Yang Disukai	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Perempuan Serang Perempuan	0	31%
Perempuan Serang Lelaki	0	31%
Lelaki Serang Lelaki	85	31%
Lelaki Serang Perempuan	15	9%
Jumlah	100	100

Sebaliknya bagi kanak-kanak perempuan pula jantina pelakun yang menjadi "kumpulan penyerang" tidaklah ditumpukan kepada kaum sejenis dengan mereka sahaja. Dengan trend perfileman yang ujud sejak bertahun-tahun lamanya di mana menempatkan kaum lelaki dalam peranan kasar dan ganas, maka phenomena ini telah membuatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan lebih menerima dan beranggapan bahawa pelakun lelaki adalah sesuai memegang watak-watak sedemikian. Namun dengan kemunculan siri-siri televisyen seperti Charlie's Angels, Bionic Women dan Policewomen di mana pemusatan peranan adalah kepada kaum wanita berkemungkinan pada suatu masa nanti mempengaruhi penonton kanak-kanak perempuan beranggapan yang pelakun-pelakun wanita adalah tidak kurang sesuainya menjadi "the attacker group" dalam ^{vi}adengan di televisyen dibandingkan dengan pelakun-pelakun lelaki.

WATAK-WATAK DALAM TELEVISYEN YANG PATUT DIMATIKAN DI AKHIR CERITA :
MENURUT PANDANGAN KANAK-KANAK

Kanak-kanak tersebut telah diberikan 3 watak-watak yang lazimnya dapat dilihat dalam siri-siri bercorak jenayah iaitu hero/heroine, polis, dan orang jahat. Mereka disuruh memilih satu daripada watak-watak tersebut yang patut dan wajar "mati" dalam satu-satu siri televisyen.

Rata-ratanya, 85% kanak-kanak lelaki dan 92% perempuan, yang menyatakan bahawa watak orang jahat adalah lebih patut dimatikan dalam cerita di televisyen. Rasionalnya membiarkan orang jahat mati dalam cerita menurut pendapat kanak-kanak itu ialah kerana orang jahat adalah merbahaya dan kelakuan jahat itu pula "tidak baik" dan perilaku tidak baik itu memang tidak disukai orang.

PERASAAN KANAK-KANAK SEKIRANYA HERO/HEROINE DI TELEVISYEN DIMATIKAN DALAM CERITA

Mengenai cetusan perasaan yang dilaporkan oleh kanak-kanak tersebut berkait dengan 'kematian' hero/heroine dalam satu-satu cerita di televisyen, maka adalah didapati bahawa penonton kanak-kanak perempuan adalah lebih sentimental dan emosional sifatnya dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki.

Kanak-kanak lelaki didapati tidaklah begitu terjejas perasaan mereka sekiranya heronya menemui 'kematian' dalam cerita-cerita di televisyen. Tetapi satu hal yang perlu diperhatikan di sini ialah ada juga kemungkinan bahawa kanak-kanak lelaki menganggap diri mereka tidak wajar melaporkan perasaan mereka dalam soal ini takut dianggap lemah. Mungkin ramai yang mengalami perasaan sedih menonton 'kematian' hero di televisyen tetapi

enggan melapurkan demikian kepada penulis. Kita memang akui bahawa kanak-kanak lelaki terutamanya lebih mementingkan ego kekerasan mereka dari kanak-kanak perempuan. Oleh hal yang demikian perbandingan antara jantina mengenai cetusan perasaan ini perlu mengambilkira perkara ini dalam perbicaraannya.

Jadual 4:26

Perasaan Kanak Terhadap Hero/Heroine Di Televisyen : Menurut

Jantina Kanak-Kanak (%)

Perasaan Kanak-Kanak	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Sedih	31	63
Marah	7	23
Tidak Rasa Sedih	31	7
Tidak Rasa Marah	31	7
Jumlah	100	100

TANGGAPAN DAN SIKAP KANAK-KANAK TERHADAP PERANAN DAN PERILAKU POLIS DI TELEVISYEN

Bersesuaian dengan kajian ini yang dilakukan di dalam sebuah komuniti polis maka penulis sudah tentulah ingin menyelidiki apakah tanggapan kanak-kanak terhadap pihak polis dan unsur-unsur kepolisian yang sering ditonton mereka menerusi televisyen.

Dari jadual 4:27a kita dapati bahawa kanak-kanak pada peringkat umur begini telah faham terhadap anggota polis sebagai satu agensi yang mengawal keselamatan dan menjaga keamanan

masyarakat. Oleh hal inilah kita dapati kesemua responden juga kanak-kanak menyatakan dengan spontan bahawa polis adalah selalunya berpihak kepada yang baik dan oleh itu juga adalah berwatak baik seperti apa yang dilihat mereka di televisyen.

Jadual 4:27a dan 4:27b

Tanggapan Kanak-Kanak Terhadap Watak Dan Perilaku Polis Di Televisyen : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Tanggapan Terhadap Watak Polis	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan	Tanggapan Terhadap Perilaku Polis	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Baik	100	100	Lembut	46	46
Jahat	0	0	Kasar	54	54
Jumlah	100	100	Jumlah	100	100

Namun apabila mengaitkan polis dengan tugas-tugas mereka dalam kegiatan menghapuskan jenayah seperti yang selalu tersiar dalam siri-siri televisyen bercorak cereka-cereka "cop & robbers" didapati gambaran kanak-kanak terhadap anggota polis adalah sebaliknya, iaitu penuh dengan kekasaran dan kekerasan. Tidak dapat dinafikan bahawa gambaran perilaku polis dalam televisyen adalah berupa satu yang sterotaip seperti kata De Fleur,

"Police officials were generally hardened, and often brutal."
(De Fleur, 1967 pg. 71).

Perkara ini telah sedikit sebanyak menguatkan lagi tanggapan kanak-kanak terhadap imej polis yang selalunya ber-perilaku kasar dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Akan tetapi dari jadual 4:27b dapat dilihat ramai juga dari kanak-kanak yang menyatakan perilaku polis yang ditontonnya dari televisyen adalah lembut. Kemungkinan faktor identifikasi kanak-kanak kepada tugas bapa masing-masing adalah tinggi dan oleh kerana ingin mewarnakan anggota polis dengan imej yang serba elok dan sempurna selalu menjadikan ramai daripada kanak-kanak yang cenderung memberi jawapan tersebut.

Tidak ujud perbezaan jantina berkait dengan soal tanggapan kanak-kanak terhadap watak dan perilaku polis yang dilihat mereka menerusi televisyen.

KADAR KEPANDAIAN ANTARA WATAK-WATAK HERO DAN POLIS DI TELEVISYEN (SEPERTI YANG DITANGGAP OLEH PENONTON KANAK-KANAK)

Kanak-kanak juga telah ditanya mengenai 'kepandaian' antara hero dengan anggota polis dalam menyelesaikan siasatan masing-masing seperti yang digambarkan oleh televisyen. Hal ini juga adalah berkait dengan "Television stereotyping" yang selalu-nya menggambarkan watak hero dan polis. Walaupun sama-sama berperanan baik, tetapi berbeza dari segi darjah kecekapan masing-masing dalam tugas penyiasatan mereka.

Ditanya mengenai hal ini sebanyak 100% dari kanak-kanak lelaki dan 85% kanak-kanak perempuan menyatakan hero dalam televisyen adalah lebih pandai dan cekap dari pihak polis. Televisyen sebenarnya adalah 'typical' menggambarkan bahawa watak "Private investigators" were always resourceful and clearly more capable than the police". (De Fleur, 1967 p. 71). Di sini dapat dilihat dengan jelas bahawa televisyen telah berjaya

menggambarkan satu-satu watak yang stereotaip yang mana ianya telah menguatkan imej dan tanggapan penonton, terutamanya kanak-kanak, terhadap watak-watak tersebut walaupun mungkin ianya tidak benar di alam nyata (lihat Liebert, 1973). Tidak wujud unsur perbezaan jantina antara kanak-kanak bersabit dengan hal ini.

SIKAP PARA IBU DAN KANAK-KANAK TERHADAP KEGANASAN DI TELEVISYEN

Daripada data-data yang diperolehi didapati sikap dan pandangan ibu terhadap kanak-kanak, berkait dengan unsur-unsur keganasan di televisyen adalah tidak selari atau sama sahaja antara mereka. Seramai 46% daripada para ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan yang memberi pandangan positif terhadap pendedahan kanak-kanak mereka terhadap rancangan sedemikian. Jumlah para ibu yang berpandangan negatif pula ialah 54%. Tidak timbul unsur perbezaan jantina kanak-kanak dalam soal ini. Yang menariknya di sini ialah terlihat bahawa ada juga separuh daripada responden ibu yang bersikap positif terhadap pendedahan anak-anak mereka kepada unsur-unsur keganasan di televisyen. Perkara ini adalah begitu kontra sekali dengan kebanyakan anggapan yang dibuat bahawa para ibu adalah keseluruhannya berpandangan negatif terhadap keganasan di televisyen berkait dengan pendedahan kanak-kanak mereka kepadanya.

Para ibu tersebut mempunyai alasan-alasan masing-masing bagi menguatkan pendapat mereka. Bagi para ibu yang bersikap negatif terhadap hal ini rata-ratanya menyatakan bahawa program-program demikian adalah tidak sesuai bagi penonton kanak-kanak kerana tendensi meniru tingkahlaku keganasan tersebut akan meningkat.

Kanak-kanak adalah cepat terpengaruh dengan apa yang ditonton mereka. Ramai dari para ibu dalam konteks ini menyatakan yang program-program begitu adalah lebih seronok dan hanya sesuai ditonton oleh orang dewasa dan bukannya kanak-kanak. Ini seolah-olah menimbulkan satu konflik antara penonton ibubapa dengan penonton kanak-kanak. Sebenarnya,

"Viewing creates conflict between what adult enjoys and what parents think is good and appropriate for the youngsters" (Steiner, 1963 hal. 243).

Juga menurut mereka lagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 8 - 10 tahun masih belum dapat membezakan antara lakunan dan kenyataan. Oleh yang demikian kanak-kanak tersebut akan menganggap bahawa apa yang ditonton mereka adalah merupai realiti alam orang dewasa dan dengan itu merasakan sesuai dan wajar untuk berpelakuan seperti apa yang didedahkan oleh televisyen kepada mereka.

Bagi para ibu yang berpendapat bahawa kanak-kanak adalah wajar didedahkan kepada siri-siri yang berunsurkan keganasan mengatakan bahawa kadar program-program yang berunsur demikian yang disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia adalah 'mild' sahaja sifatnya. Pendedahan kepada siri-siri begini juga memberi peluang kepada kanak-kanak mengambil tauladan dan contoh tentang nasib yang selalu menimpa mereka yang melibatkan diri dengan jenayah. Kebanyakan daripada siri-siri televisyen di Malaysia jarang sekali menunjukkan bahawa seorang pesalah adalah terlepas bebas dari hukuman. Hal ini menurut ibu-ibu tersebut boleh menyedarkan kanak-kanak dan menyekat mereka dari meniru tingkahlaku

demikian. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Middlebrook (1974) bahawa kadar peniruan kanak-kanak terhadap tingkahlaku keganasan pelaku adalah bergantung kepada nasib pelaku tersebut diakhir cerita. Seramai 23% daripada ibu dalam kategori ini yang pemahaman kanak-kanak kepada cerita yang ditontonnya adalah penting. Oleh yang demikian mereka menyarankan bahawa sekiranya kanak-kanak ingin didedahkan kepada siri-siri bercorak keganasan dan jenayah harus didampingi bersama ibubapa sekali supaya penerangan-penerangan terhadap adengan-adengan yang ditonton kanak-kanak dapat disalurkan oleh ibubapa tersebut bagi mengawal mereka dari meniru unsur-unsur keganasan yang dilihat itu.

Hubungan kesan pengaruh antara kanak-kanak dengan kadar keganasan @ agresi yang ditonton mereka menerusi televisyen telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji Barat. Dalam kajian ini juga penulis berhasrat untuk melihat bagaimanakah rupa bentuk kadar agresi yang mungkin didatangkan oleh televisyen ke atas diri penonton kanak-kanak. Namun perlulah diingat bahawa kajian ini bukanlah memusatkan perhatiannya kepada perkara ini sahaja. Oleh yang demikian perbincangan mengenai hal ini tidaklah dapat dibuat dengan secara meluas dan terperinci. Juga lapuran-lapuran dalam kajian ini adalah merupakan "self-report" dari responden-responden. Bermakna sebarang pernyataan yang dibuat responden, terutama yang berkait dengan kadar agresi yang berlaku, tidaklah dapat diperakui benar tidaknya dengan jelas oleh penulis. Lainlah halnya dalam sebuah kajian berupa eksperimen di mana agresi tingkahlaku penonton itu dapat dilihat dengan jelas oleh pengkaji.

Hampir keseluruhan (85%) daripada kanak-kanak tersebut, baik lelaki maupun perempuan mengatakan bahawa mereka tidak ingin meniru pelakuan-pelakuan ganas seperti yang ditonton mereka di televisyen. Masing-masing yang menyatakan keengganan mereka meniru perbuatan-perbuatan tersebut meletakkan unsur "takut" sebagai benteng yang menghalang keinginan mereka berbuat demikian. Kebanyakan daripada mereka menyatakan perasaan takut kepada hukuman ibubapa, pihak polis sendiri dan kawan-kawan sekiranya mereka meniru tingkahlaku keganasan yang ditonton di televisyen. Televisyen sendiri dalam hal ini juga banyak menyalurkan "inhibition effect" (kesan pengawalan) ke atas kanak-kanak itu dari meniru perbuatan ganas yang dilihat mereka. Rata-ratanya siri televisyen menggambarkan nasib pesalah adalah selalunya buruk dan hal ini telah menguatkan kawalan ke atas penonton kanak-kanak itu sendiri dari meniru unsur-unsur keganasan yang ditonton oleh mereka.

Rata-ratanya sebanyak 92% dari kanak-kanak lelaki dan 85% daripada kanak-kanak perempuan yang menyatakan mereka tidak menyetujui tindakan-tindakan hero yang terlalu ganas di televisyen. Ini menunjukkan tindakan-tindakan yang berunsur keganasan yang melampau, baik yang dilakukan oleh hero/heroine yang diminati, memang tidak disukai oleh kanak-kanak.

Responden kanak-kanak ditanya juga samada mereka menyetujui perbuatan menyiksa penjahat di televisyen sebelum atau semasa ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa. Penulis mengemukakan persoalan ini untuk melihat kadar "harm intent" kanak-kanak antara jantina ke atas satu-satu watak yang tidak disukai mereka

di televisyen.

Dari jadual 4:28 didapati sejumlah besar kanak-kanak merasakan patut penjahat dalam televisyen itu disiksa dahulu sebelum atau semasa mereka ditangkap. Tidak ujud unsur perbezaan jantina antara kanak-kanak dalam hal ini.

Menurut Jantina (%)

Jadual 4:28

Kesahan Menyiksa Pelakun Jahat Di Televisyen : Menurut Jantina Kanak-Kanak (%)

Patut/Tidak Patut Penjahat Disiksa	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Patut Disiksa	69	62
Tidak Patut Disiksa	31	38
Jumlah	100	100

Rasionalnya pendapat mereka mungkin berdasarkan bahawa balasan kepada penjahat harus setimpal dengan kesalahan mereka. Penilaian ke atas penjahat adalah selalunya diwarnakan oleh ibubapa mereka sebagai satu yang paling buruk dan rendah sekali. Oleh itulah dilihat tidak cukup dengan cara menangkapnya sahaja bahkan penyiksaan ke atas penjahat di televisyen adalah dibenarkan dan dapat diterima oleh kanak-kanak.

Penulis juga ingin melihat jantina manakah yang lebih gemar kepada ~~adengan-adengan~~ keganasan dan aggresif di televisyen. Beliau dengan itu menyatakan tiga jenis senjata yang mungkin dianggap sesuai digunakan oleh hero. Kanak-kanak diminta memilih

satu jenis senjata yang mereka minati sekali digunakan oleh hero/heroine di televisyen.

Jadual 4:29

Pilihan Senjata Yang Sesuai Dipakai Hero Oleh Kanak-Kanak :

Menurut Jantina (%)

Jenis Senjata Yang Dianggap Sesuai	Kanak-Kanak Lelaki	Kanak-Kanak Perempuan
Pistol	54	69
Pedang	0	8
Penumbuk (Tanpa Senjata)	46	23
Jumlah	100	100

Dari jadual 4:29 dapat dilihat bahawa penggunaan pistol adalah yang paling popular sekali diminati. Pedang tidak mendapat tempat lagi sebagai senjata yang sesuai digunakan oleh pelakun-pelakun. Sebenarnya filem-filem yang menunjukkan pertarungan menggunakan pedang amat jarang kita dapati pada masa kini. Oleh sebab itulah penggunaan pistol dianggap paling sesuai digunakan oleh hero/heroine kerana lazimnya senjata inilah yang paling banyak sekali digunakan dalam siri-siri jenayah/peperangan yang disiarkan oleh televisyen. Tidak ujud unsur perbezaan antara jantina di kalangan kanak-kanak dalam hal ini.

Tetapi apabila diteliti dengan lebih mendalam lagi jadual tersebut, maka akan didapati bahawa kanak-kanak lelaki lebih meminati kadar "action" dan keganasan yang tinggi dalam

adegan-adegan pertarungan di televisyen. Kerana inilah maka didapati lebih ramai juga daripada mereka yang menganggap bahawa menggunakan penumbuk adalah lebih sesuai buat hero/heroine. Ditanya mengapa mereka memilih ini dan tidak senjata-senjata pedang dan pistol, rata-ratanya menyatakan bahawa mereka lebih ingin melihat corak pertarungan yang lebih lama dan banyak "action"nya. Pistol membunuh dengan kadar yang cepat tetapi pertarungan yang menggunakan penumbuk adalah lebih lama dan oleh itu lebih banyak action yang dapat dilihat. Oleh itu bolehlah dirumuskan di sini bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih meminati adegan-adegan yang bercorak agresif bentuknya dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan.

TELEVISYEN DAN PANDANGAN IBU TERHADAP PEMBENTUKAN NILAI KANAK-KANAK

Menurut laporan daripada Ketua "Controller of Programmes" Radio Televisyen Malaysia baharu-baharu ini, buat masa sekarang nisbah antara program-program televisyen tempatan berbanding dengan program-program yang diimport (kebanyakannya filem-filem Barat) ialah 6:4 (NST, Sept. 24, 1979).

Walaupun nisbah antara program luar dan dalam negeri sudah agak berubah dibandingkan dengan beberapa tahun kebelakangan namun kebimbangan di kalangan ibubapa terhadap pengaruh program-program dari luar (khususnya program-program Barat) mempengaruhi pembentukan nilai anak-anak mereka adalah masih lagi tinggi.

Dilihat dari jadual 4:30 ibu dari kedua-dua belah

pihak kanak-kanak merasakan kebimbangan mereka terhadap filem-filem Barat takut kalau-kalau nilai-nilai kebaratan lebih banyak mempengaruhi pembentukan nilai anak-anak mereka. Ramai yang menyarankan bahawa sudah sampai masanya pihak Radio Televisyen Malaysia menyemak semula jumlah program-programnya dan menambahkan lagi lebih banyak filem-filem tempatan semoga pembentukan nilai anak-anak mereka tidak banyak terjejas dan dipengaruhi oleh nilai-nilai barat yang semakin membanjiri media-media massa yang ada

Jadual 4:30

Kebimbangan Para Ibu Kerana Kebanjiran Filem-Filem Barat

Di Televisyen : Menurut Jantina Kanak-Kanak

Kadar Kebimbangan Para Ibu	Ibu Kanak-Kanak Lelaki	Ibu Kanak-Kanak Perempuan
Sangat Bimbang	0	0
Bimbang	69	69
Tidak Bimbang	31	31
Jumlah	100	100

Para ibu juga melaporkan bahawa mereka merasa kluatir melihat siri-siri jenayah yang dibawakan oleh filem-filem televisyen yang diimport dari luar. Di sini bukan bermakna yang filem-filem tempatan tidak terlepas dari unsur-unsur jenayah dan keganasan. Tetapi filem-filem Barat adalah lebih realistik dan terperinci sekali persembahannya sehinggakan segala adengan-adengan jenayah seperti pembunuhan dan rompakan digambarkan dengan

begitu nyata sekali. Bagi pihak ibubapa itu sendiri hal ini adalah baik kerana semakin realistik filem itu semakin menariklah jadinya buat tontonan mereka. Tetapi untuk tontonan kanak-kanak rata-ratanya para ibu ini melapurkan yang mereka merasa bimbang takut kalau-kalau kanak-kanak mereka meniru adengan-adengan tersebut kerana persembahannya yang realistik dan "detail" begitu.

KESIMPULAN

Dari perbincangan dan lapuran di atas maka didapati wujud hubungan-hubungan tertentu antara responden-responden ibu dan kanak-kanak mereka berkait dengan televisyen.

Kadar jumlah masa menonton dalam seminggu bagi kanak-kanak adalah berkaitan dengan jumlah masa pendedahan ibu mereka juga kepada televisyen. Program-program yang menjadi kegemaran para ibu adalah juga ditonton dan diminati oleh kanak-kanak. Ini bermakna bahawa kanak-kanak tersebut sering mendedahkan diri mereka kepada filem-filem untuk orang dewasa juga. Hal ini adalah konsisten dengan kajian-kajian Mark Abrahms, 1958 dan Schramm, 1960 di mana dalam kajian mereka itu jelas terlihat bahawa kanak-kanak adalah lebih menyukai dan meminati program-program televisyen yang dikhaskan untuk orang-orang dewasa. Seperti dalam kajian Himmelweit, (1958), data-data di atas juga menunjukkan bahawa kanak-kanak adalah lebih meminati program-program yang berbentuk "action-oriented" dan mengandungi unsur-unsur penceritaan di dalamnya daripada program-program yang bercorak naratif sifatnya. Selera kanak-kanak terhadap program-program televisyen yang menjadi kegemaran mereka adalah berlainan daripada para ibu mereka masing-masing. Kanak-kanak lebih sukakan siri-siri

televisyen yang didatangkan dari luar (berunsurkan action-oriented yang tinggi) berbanding dengan para ibu yang mana mereka itu lebih menggemari program-program tempatan. Mungkin hal ini adalah berlainan daripada apa yang didapati sekarang sekiranya para ibu kanak-kanak tersebut pernah terdedah ataupun mengetahui bahasa Inggeris sedikit sebanyaknya.

Secara idealnya para ibu tersebut menganggap adalah wajar diasing-asingkan kanak-kanak yang berlainan jantina kepada program-program televisyen yang berbeza, tetapi ini secara praktiknya tidak dapat dilakukan mereka. Walau bagaimanapun hal ini adalah memperlihatkan bahawa para ibu tersebut ingin juga mengamalkan "sex typing" ke atas kanak-kanak yang berlainan jantina menerusi televisyen. Mengenai siri-siri bercorak keganasan di televisyen, seolah-olah wujud konflik antara pihak ibu dengan pihak kanak-kanak terhadap siri-siri sedemikian. Di satu pihak, para ibu memang meminati siri-siri begitu buat diri mereka tetapi merasa ragu-ragu untuk mendedahkan anak-anak mereka kepada siri-siri tersebut. Walaupun begitu sikap dan pandangan para ibu terhadap pendedahan anak-anak mereka kepada siri-siri keganasan/jenayah di televisyen adalah berbeza-beza, ada yang bersikap positif dan setengahnya pula negatif. Tetapi di pihak kanak-kanak pula, sikap dan pandangan mereka (seperti yang dilaporkan oleh mereka sendiri) terhadap unsur keganasan di televisyen adalah rata-ratanya negatif. Kehadiran ibubapa bersama anak-anak mereka semasa menonton televisyen boleh mendatangkan pengaruh ke atas sikap dan pandangan kanak-kanak tersebut terhadap satu-satu babak atau unsur yang sama-sama ditonton di televisyen.

dan pola Penggunaan radio bagi diri kanak-kanak telah menurun dengan kehadiran televisyen di dalam kehidupan mereka. Televisyen juga adalah didapati mampu dan berupaya meninggikan kadar imaginasi dan fantasi kanak-kanak. Didapati juga bahawa unsur-unsur "television stereotypes" ke atas watak-watak dan peranan-peranan pelakun yang 'typical' sifatnya telah mempengaruhi dan menguatkan lagi tanggapan kanak-kanak terhadap imej-imej pelakun dan golongan-golongan tertentu di televisyen.

Unsur-unsur perbezaan jantina antara kanak-kanak berkait dengan televisyen adalah terlihat dalam kegiatan-kegiatan masa lapang mereka. Disiplin para ibu dan anak-anak berkait dengan televisyen juga banyak memperlihatkan unsur-unsur "sex differences". Jenis lakunan-lakunan yang ditiru oleh kanak-kanak dari televisyen adalah berbeza antara jantina. Begitu juga dalam hal-hal memilih pelakun utama di televisyen dan adengan-adengan kekasaran antara jantina, adalah didapati bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih cenderung memilih para pelakun dan kaum sejenis dengan mereka dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan kanak-kanak lelaki juga adalah lebih meminati dan lebih cenderung meniru adengan-adengan yang agresif sifatnya daripada kanak-kanak perempuan. Hal ini adalah sedikit sebanyak bersamaan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh Liebert & Brown (1962) yang menunjukkan kecenderungan kanak-kanak lelaki untuk bertindak agresif selepas menonton filem-filem bercorak keganasan adalah lebih tinggi dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan. Begitu juga halnya dengan jumlah masa pendedahan kanak-kanak kepada televisyen kanak-kanak lelaki adalah menonton pada kadar yang lebih tinggi daripada kanak-kanak perempuan. Tetapi hal ini adalah berkaitan dengan saiz keluarga

dan pola tingkahlaku tontonan para ibu kanak-kanak lelaki itu sendiri.

BAB 5

PENUTUP

RINGKASAN

Tujuan kajian yang dibuat pada satu seginya ialah untuk melihat reaksi kanak-kanak dan para ibu masing-masing terhadap televisyen. Pada satu segi yang lainnya pula kajian ini menyelidiki sejauh mana pengaruh yang dibawa oleh media tersebut ke atas corak tingkahlaku dan tanggapan para responden.

Walaupun fokus utama kajian ialah dipusatkan kepada kanak-kanak, namun pada keseluruhannya kajian yang dibuat dipusatkan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menumpukan hubungan kanak-kanak dengan para ibu masing-masing berkait dengan corak pendidikan mereka kepada televisyen. Bahagian kedua pula membicarakan tentang reaksi dan kesan pengaruh yang terhasil oleh kanak-kanak secara menyeluruhnya dari media tersebut. Bahagian akhirnya melihat unsur-unsur perbezaan jantina (sex difference) antara responden kanak-kanak berkaitan dengan pendidikan mereka kepada televisyen.

Keputeraan-keputusan dari kajian ini yang telah dibincangkan dalam bab 4 telah berjaya menunjukkan bahawa wujud hubungan tertentu antara kanak-kanak dari ibu mereka masing-masing berkait dengan televisyen. Hal ini dapat dilihat dalam aspek pola tontonan mereka di mana adalah didapati bahawa kadar masa menonton dalam seminggu bagi kanak-kanak adalah berkaitan dengan jumlah masa pendidikan para ibu kepada televisyen. Terlihat juga bahawa kehadiran para ibu di samping anaknya mereka akan

BAB 5

PENUTUP

Bagi kanak-kanak pada keseluruhannya pula, adalah terlihat

RINGKASAN

Tujuan kajian yang dibuat pada satu seginya ialah untuk melihat reaksi kanak-kanak dan para ibu masing-masing terhadap televisyen. Pada satu segi yang lainnya pula kajian ini menyelidiki akan kesan-pengaruh berutamanya filem-filem peperangan dan jenayah. Hal ini adalah berdasarkan dengan keputusan-keputusan dari kajian yang dilakukan oleh Mark Abrams (1956) dan Himmelsweit et. al. (1968). Di samping itu juga televisyen,

Walaupun fokus utama kajian adalah dipusatkan kepada kanak-kanak, namun pada keseluruhannya tumpuan yang dibuat dipecahkan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menumpukan hubungan kanak-kanak dengan para ibu masing-masing berkaitan dengan corak pendedahan mereka kepada televisyen. Bahagian kedua pula membicarakan tentang reaksi dan kesan pengaruh yang terima oleh kanak-kanak secara menyeluruhnya dari media tersebut. Bahagian akhirnya melihat unsur-unsur perbedaan jantina (sex differences) antara responden kanak-kanak berhubung dengan pendedahan mereka kepada televisyen.

Keputusan-keputusan dari kajian ini yang telah dibincangkan dalam bab 4 telah berjaya menunjukkan bahawa wujud hubungan tertentu antara kanak-kanak dari ibu mereka masing-masing berkait dengan televisyen. Hal ini dapat dilihat dalam aspek pola tontonan mereka di mana adalah didapati bahawa kadar masa menonton dalam seminggu bagi kanak-kanak adalah berkaitan dengan jumlah masa pendedahan para ibu kepada televisyen. Terlihat juga bahawa kehadiran para ibu di samping anak-anak mereka akan

mempengaruhi sikap dan tanggapan kanak-kanak tersebut terhadap satu-satu elemen yang tonton mereka di televisyen. Hal ini adalah serupa dengan keputusan dari kajian Chafee *et al.* (1978).

Bagi kanak-kanak pada keseluruhannya pula, adalah terlihat bahawa mereka lebih meminati program-program yang berunsurkan "action-oriented" dan yang mengandungi unsur-unsur cerita daripada program-program yang naratif sifatnya. Oleh sebab itulah ramai yang menonton siri-siri televisyen yang menjadi tontonan ibu bapa mereka juga, terutamanya filem-filem peperangan dan jenayah. Hal ini adalah bersamaan dengan keputusan-keputusan dari kajian yang dilakukan oleh Mark Abrahms (1956) dan Himmerlweit *et al.* (1958). Di samping itu juga televisyen, seperti apa yang dirasakan/dianggap oleh kanak-kanak itu, mampu meninggikan kadar imaginasi dan fantasi dalam diri mereka.

Unsur-unsur perbezaan jantina (sex differences) antara kanak-kanak berkait dengan televisyen adalah terlihat apabila perbandingan-perbandingan dibuat antara mereka menyentuh aspek-aspek jumlah masa yang ditumpukan dalam seminggu menonton, jenis-jenis lakunan yang ditiru, kegiatan-kegiatan masa lapang, disiplin ibu ke atas mereka, pemilihan pelakon-pelakon utama di televisyen dan kadar minat kepada program-program/siri-siri yang lebih ganas sifatnya.

Keputusan-keputusan dari kajian ini banyak didapati konsisten dengan penemuan-penemuan daripada penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Mark Abrahms (1956), Himmelweit *et al.* (1958), Schramm (1960) dan Chafee *et al.* (1978). Juga mengenai program-program yang menjadi kegemaran para ibu ianya didapati ada persamaan dengan keputusan-keputusan dari kajian yang dibuat oleh RTM sendiri dengan bantuan Survey Research Malaysia pada

pertengahan tahun 1978 (N.S.T. Sept. 24, 1979) mengenai sambutan penonton tanahair terhadap program-program yang disiarkannya.

BATASAN-BATASAN KAJIAN

Kajian yang dibuat cuma mengambil-kira satu komuniti dengan jumlah bilangan responden yang kecil sahaja.

Kajian ini adalah dibuat secara temuramah melalui soal-selidik yang mana dengan ini ia amat bergantung semata-mata kepada "self report" seperti yang dilaporkan oleh para responden. Oleh itulah perhatian penulis kepada persoalan mengenai televisyen dan kadar agresi tingkahlaku kanak-kanak tidak dapat dibuat dengan lebih mendalam lagi kecuali disempitkan kepada beberapa hal cuma yang mampu diselidiki dengan cara temuramah. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas kajian serupa ini haruslah juga mempergunakan metode-metode lain seperti pemerhatian dan barangkali eksperimen sekaligus di dalamnya.

IMPLIKASI-IMPLIKASI DARI KAJIAN INI

Televisyen sebagai salah satu media di antara media massa yang banyak adalah semakin popular dan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat, terutamanya masyarakat kanak-kanak. Dan bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia hari ini yang mana pula mengandungi jumlah bilangan kanak-kanak yang ramai dalam masyarakatnya, perhatian yang lebih tinggi harus diberikan kepada media ini supaya ianya dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya, khasnya untuk pembangunan diri kanak-kanak itu sendiri.

Walaupun kajian ini dilakukan pada peringkat mikro namun keputusan-keputusannya adalah berguna dan sesuai dipakai pada peringkat makro.

Dari keputusan yang didapati adalah terlihat bahawa penggunaan radio telah menjadi kurang digunakan oleh kanak-kanak setelah kemasukan televisyen dalam kehidupan mereka. Sekiranya ada pihak-pihak tertentu yang ingin menyampaikan apa-apa mesej kepada kanak-kanak dan menginginkan sebarannya dapat diterima oleh kanak-kanak tersebut maka adalah lebih baik kiranya sebarang pemberitahuan itu disalurkan menerusi televisyen daripada radio.

Kanak-kanak lebih memberi perhatian dan menggemari program-program yang mempunyai jalan cerita yang menarik dan banyak mengandungi unsur-unsur "action-oriented". Yang demikian hal ini harus dititik-beratkan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya para pendidik dan perancang-perancang Televisyen Pendidikan yang mengeluarkan filem-filem pelajaran buat kanak-kanak supaya mengambil kira unsur-unsur di atas. Ini adalah untuk menjamin apa yang hendak disampaikan kepada kanak-kanak tersebut mendapat sambutan dan menjadi efektif buat diri mereka-mereka itu.

Begitu juga bagi pihak RTM sendiri harus sedar bahawa sebenarnya sebarang pemberitahuan terutamanya yang berbentuk kempen-kempen yang ingin ditujukan khas untuk kanak-kanak mestilah dibuat dengan cara yang lebih serius lagi. Bagi mencapai kesan yang lebih efektif di kalangan kanak-kanak, sebarang bentuk kempen yang ingin disiarkan seharusnya dibuat dalam bentuk cereka dan disulami dengan unsur-unsur "action-oriented" supaya dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak kepadanya. Adalah diragukan samada filem-filem kempen yang disiarkan oleh RTM (seperti kempen anti-dadah) yang bercorak animasi dan naratif seperti yang ada sekarang dapat dengan secara berkesannya menarik perhatian dan memberikan kesedaran kepada penonton kanak-kanak.

Pihak RTM juga perlu mengkaji sembarancangan-rancangannya untuk kanak-kanak. Dari kajian ini didapati kanak-kanak adalah rata-ratanya menonton siri-siri yang dianggap sesuai ditonton oleh orang-orang dewasa. Tidak ada seorang pun yang menyebut tentang program "Cumi dan Ciki", yang pada masa ini merupakan satu-satunya rancangan tempatan yang ditujukan khas untuk kanak-kanak. Kemungkinan program ini tidak begitu menarik ataupun tidak dapat memenuhi selera kanak-kanak dalam lingkungan umur 9-10 tahun adalah merupakan sebab-sebab mengapa kurangnya minat diberikan kepada program ini. Adalah perlu bagi pihak RTM menambahkan lagi siri-siri televisyen yang bercorak tempatan khas untuk kanak-kanak memandangkan bahawa kanak-kanak hari ini memang banyak menghabiskan masa mereka kepada televisyen berbanding dengan kegiatan-kegiatan lain seperti membaca buku cerita/komik dan bermain dengan kawan-kawan.

Mengenai program Tayangan Larut Malam pula adalah didapati bahawa rata-ratanya kanak-kanak dalam lingkungan umur begini tidak menonton (dalam kajian ini para ibu mereka juga jarang sekali menontonnya); apatah lagi bagi kanak-kanak yang lebih muda dari mereka. Maka apalah salahnya sekira pihak Penapis Filem (bagi televisyen) melonggarkan sedikit kawalan mereka terhadap filem-filem yang diputarkan melalui rancangan ini. Tidak guna potongan-potongan (cuts) yang ^{agak keterlaluan} dikenakan kepada filem-filem yang dikhaskan untuk tayangan ini kerana didapati kebanyakan dari yang menontonnya ialah orang-orang dewasa dan bukannya kanak-kanak.

Adalah didapati juga bahawa kanak-kanak lelaki adalah lebih cenderung meminati babak-babak atau adegan-adegan yang agresif sifatnya berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Sekiranya para ibu

merasa kuatir takut kalau-kalau anak-anak lelaki lebih cepat terikut dengan keganasan di televisyen, maka ada baiknya mereka mengambil inisiatif untuk menonton filem-filem begitu bersama-sama dengan anak mereka sekali supaya penerangan-penerangan dan kawalan dapat disalurkan kepada anak-anak sambil menonton. Ini secara langsung atau tidaknya dapat membentuk sikap dan pandangan kanak-kanak tersebut kepada satu yang lebih sihat berkait dengan unsur-unsur keganasan yang ditonton mereka itu. Kehadiran ibu bapa bersama anak-anak semasa menonton seperti yang kita lihat dalam kajian ini boleh mempengaruhi sikap dan pandangan mereka terhadap satu-satu perkara yang dilihat dari televisyen. Oleh itu peranan ibu bapa dalam mengawal unsur-unsur yang tidak diinginkan dari televisyen yang dianggap boleh mendatangkan kesan buruk kepada anak-anak mereka boleh dibuat dengan cara di atas.

SARANAN UNTUK KAJIAN-KAJIAN AKAN DATANG

Dengan mengingat bahawa kadar perkembangan televisyen di Malaysia pada hari ini telah begitu meluas maka adalah perlu kajian-kajian mengenainya diperbanyakkan guna bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang kesan-pengaruhnya ke atas anggota-anggota masyarakat.

Kajian yang dilakukan ini cuma diasaskan kepada satu sampel yang kecil sahaja. Sekiranya keputusan-keputusan yang lebih baik dan lebih "dekat" mewakili penduduk secara "nation wide", maka sampel bagi kajian-kajian akan datang haruslah memperbesarkan lagi bilangan respondennya.

Daripada kajian-kajian yang lepas (terutamanya yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji Barat) mengenai televisyen dan kanak-kanak ini, mereka mendapati bahawa setengah-setengah faktor kanak-kanak itu sendiri

memainkan peranan penting dalam menentukan corak tingkahlaku tontonan mereka kepada media tersebut. Oleh itu adalah menarik sekiranya dapat dibuat satu kajian mengenai topik yang sama pada masa-masa hadapan mengambil kira faktor-faktor keberlainan umur, kelas sósio-ekonomi, kadar IQ dan taraf pendidikan kanak-kanak supaya satu analisa perbandingan ke atas corak tingkahlaku dan reaksi kanak-kanak tersebut kepada televisyen menjadi lebih bermakna lagi.

Kita semua tinggal dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Namun kajian yang dilakukan ini cuma memusatkan perhatiannya kepada satu kelompok etnik sahaja, iaitu etnik melayu. Liebert (1973) ada mengatakan bahawa pola-pola tontonan dan sikap terhadap televisyen adalah berbeza-beda menurut ras. Maka adalah menarik sekiranya kajian-kajian yang akan-datang mengasaskan kajian mereka kepada satu yang bercorak "cross-cultural studies" supaya perbandingan-perbandingan sikap dan reaksi golongan-golongan dari etnik-etnik yang berbeza terhadap televisyen dapat dibuat. Begitu juga bagi mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas dan representatif adalah perlu juga tumpuan dibuat kepada faktor-faktor perbezaan kelas, umur dan unsur-unsur bandar-luarbandar para penonton berkaitan dengan pendedahan mereka kepada televisyen.

Memang dapat diakui bahawa dalam masyarakat di Malaysia hari ini sering terdengar sungutan-sungutan dan kontroversi-kontroversi terhadap keganasan di televisyen dan pengaruhnya ke atas para penonton, terutamanya kanak-kanak. Tidak ujud lagi setakat yang diketahui kajian-kajian yang khusus membicarakan soal ini di Malaysia. Tetapi disebelah Barat, kajian-kajian mengenai hal ini adalah popular sekali. Namun sampai ke saat inipun adalah didapati daripada kajian-kajian yang banyak dibuat di negara-negara Barat itu bersabit dengan soal ini,

satu keputusan yang konsisten yang boleh menunjukkan televisyen sebagai satu unsur yang mempengaruhi tingkahlaku agresi kanak-kanak masih lagi belum tercapai.

Dengan trend perkembangan televisyen yang semakin pesat ini, ditambah oleh rungutan-rungutan mengenai soal ini yang sering disuarakan oleh golongan-golongan tertentu maka sudah sampai masanya bagi mereka-mereka yang berminat membuat satu kajian yang khusus tentang televisyen dan pengaruhnya ke atas tingkahlaku para penonton. Dengan adanya kajian-kajian yang sebegini pada satu hari nanti ianya dapatlah memberikan sedikit-sebanyak jawapan kepada rungutan-rungutan dan tandatanya-tandatanya yang pernah disuarakan oleh orang ramai terhadap unsur-unsur keganasan di televisyen dan kesan-pengaruhnya ke atas masyarakat, terutamanya kanak-kanak.

Bagi kajian-kajian yang akan datang yang akan dibuat nanti mengenai televisyen dan kanak-kanak, maka adalah perlu diambil kira dan diberikan perhatian kepada unsur-unsur perbezaan jantina dan hubungan kanak-kanak dengan para ibu masing-masing berkait dengan televisyen seperti yang didapati ujud di dalam kajian ini. Unsur-unsur ini penting diperhatikan kerana ianya boleh mempengaruhi penganalisaan keputusan-keputusan yang diperolehi nantinya.

Akhir kata, memandangkan dengan betapa semakin pentingnya media ini dalam masyarakat hari ini, terutamanya bagi masyarakat kanak-kanak, maka adalah tidak dapat dinafikan bahawa,

"..... it seems almost a national disgrace that so little attention has been paid by appropriate governmental or private agencies to the direct impact of the television set on the socialisation of children". (Singer & Singer, 1976, hal. 496).

Yang demikian memang sudah sampai masanya diperbanyakkan kajian-kajian seperti ini untuk faedah kita bersama.

- ARMSTRONG, H. Child Audiences for Television in Great Britain Journalism Quarterly, 1956, 33(1), 35-41.
- BANDURA, A., ROSS, D. and ROSS, S. Transmission of Aggression through Imitation of Aggressive Models Journal of Abnormal and Social Psychology, 1961, 53(2), 575-582.
- BANDURA, A., ROSS, D. and ROSS, S. Imitation of Film Mediated Aggressive Models Journal of Abnormal and Social Psychology, 1963, 66(1), 3-11.
- BELOTTI, E.G. Little Girls London, Writers Readers Pub. Cooperative, 1975.
- DEFLUER, M. Occupational Roles as Portrayed on Television Public Opinion Quarterly, 1964, 28, 57-74.
- DODDHY, R. Child Psychology (2nd Ed.) California, Wadsworth Pub. Co. Inc., 1977.
- FESSACH, S. and KINER, R. Television and Aggression San Francisco, Jossey-Bass, 1971.
- HALLORAN, J.D. and BROWN, R.C. The Effects of Television on Children and Adolescents D. O'Connor, Leicester University Press, 1976.
- HIMMELHEIT, H., OFFENHEIM, A. and VIDICE, P. Television and the child: An Empirical Study of the Effects of Television on The Young London, Oxford University Press, 1968.
- HIMMELHEIT, H. Television Revisited New Society Nov. 1962, 5, 17.
- HOLLENBECK, A.M. Television Viewing Patterns of Families with Young Infants Journal of Social Psychology, 1978, 105, 179-187.
- JAPAN, MINISTRY OF EDUCATION. Effects of Television on Children Shishun Kankyo, 1961, 116, 4-11.
- LIBERT, R.H., NEOLS, J.M. and DAVIDSON, E.S. The Early Window: Effects of Television on Children and Youth New York, Pantheon Press Inc. 1973.
- LIBERT, R.H. and BARON, R.A. Some Immediate Effects of Televised Violence on Children's Behaviour, Developmental Psychology, 1972, 6, 469-475.
- LORRAAS, O.J. Effects of Exposure to Symbolic Aggression on Aggressive Behaviour Child Development, 1961, 32, 37-44.
- MATOSY, H.E. and JACKLIN, C.W. The Psychology of Sex Differences London, Oxford University Press, 1974.

BIBLIOGRAFI

- ABRAHMS, M. Child Audiences for Television in Great Britain Journalism Quarterly, 1956, 33(1), 35-41.
- BANDURA, A., ROSS, D. and ROSS, S. Transmission of Aggression through Imitation of Aggressive Models Journal of Abnormal and Social Psychology, 1961, 63(3), 575-582.
- BANDURA, A., ROSS, D. and ROSS, S. Imitation of Film Mediated Aggressive Models Journal of Abnormal and Social Psychology, 1963, 66(1), 3-11.
- BELOTTI, E.G. Little Girls London, Writers Readers Pub. Cooperative, 1975.
- DEFLUER, M. Occupational Roles as Portrayed on Television Public Opinion Quarterly, 1964, 28, 57-74.
- DOROTHY, R. Child Psychology (2nd Ed.) California, Wardsworth Pub. Co. Inc., 1977.
- FESBACH, S. and SINGER, R. Television and Aggression San Francisco, Jossey-Bags, 1971.
- HALLORAN, J.D. and BROWN, R.C. The Effects of Television on Children and Adolescents D. CChancy, Leaister University Press, 1970.
- HIMMELWEIT, H., OPPENHEIM, A.N. and VINCE, P. Television and the child: An Empirical Study of the Effects of Television on The Young London, Oxford University Press, 1958.
- HIMMELWEIT, H. Television Revisited New Society Nov. 1962, 5, 17.
- HOLLENBECK, A.R. Television Viewing Patterns of Families with Young Infants Journal of Social Psychology, 1978, 105, 179-187.
- JAPAN, MINISTRY OF EDUCATION. Effects of Television on Children Shimbun Kenkyn, 1961, 116, 4-11.
- LIEBERT, R.M., NEOLE, J.M. and DAVIDSON, E.S. The Early Window: Effects of Television on Children and Youth New York, Pengamon Press Inc. 1973.
- LIEBERT, R.M. and BARON, R.A. Some Immediate Effects of Televised Violence on Children's Behaviour, Developmental Psychology, 1972, 6, 469-475.
- LORAAS, O.J. Effects of Exposure to Symbolic Aggression on Aggressive Behaviour Child Development, 1961, 32, 37-44.
- MACCOBY, H.E. and JACKLIN, C.N. The Psychology of Sex Differences London, Oxford University Press, 1974.

MOSER, C.A. and KALTON, G. Survey Methods in Social Investigations
London, Heinemann Educational Books, 1971.

NEW STRAITS TIMES, FEB. 1979.

NEW STRAITS TIMES, SEPT. 24, 1979, p. 7

SCHRAMM, W. Television in the Lives of the Child: Implications for
the school In: Institute for Communication on Research,
New Teaching Aids for the American Classroom, California,
1960, 50-70.

SCHRAMM, W., LYLE J. and PARKER, E.B. Television in the Lives of Our
Children California, Stanford University Press, 1961.

SCHRAMM, W. (ED.) The Effects of Television on Children and Adolescents
Amsterdam, International Association for Mass. Comm. Research,
1964.

SCHNEIDER, D.J. Social Psychology Philippines, Addisonwesley Pub.
Co. Inc., 1976.

SINGER, D.G. and SINGER, J.L. Family Viewing Habits and the Spontaneous
Play of Preschool Children American Journal of Orthopsychiatry,
1976, 46, 496-502.

STEIN, A. and FRIEDRICH, L. Television Content and Young Children's
Behaviour In J. Murray, E. Rubenstein and Comstock (Eds.)
Television and Social Learning Washington, Govt. Printing
Office, 1971.

STEINER, G.A. People Look at Television New York, Affred A. Knopf
Inc., 1963.

TOCH, H. Violent Man: An Inquiry Into the Psychology of Violence
Harmonsworth, Middlesex, Pelikan, 1972.

WUTZEL, A. Television Violence and Aggressive Behaviour Excetera,
1977, 34(2), 212-225.